
MBS



1992

With Compliments


From

BANK OF COMMERCE

Your Bank of Choice

THE SENTINEL

1) Kulit Luar Majalah – Oleh Chong Kim Ming Ting : 5P1
2) Intisari
3) Setitis Tinta Ketua Editor (1)
4) Sidang Redaksi 'The Sentinel' 1992 (2)
5) Kata Alu-Aluan:
   - Pengarah Pendidikan Wil Persekutuan (3)
   - Setiausaha Pelajaran Sekolah-Sekolah Methodist Malaysia (4)
   - Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah (5)
   - Pengerusi PIBG (6)
   - Pengetua (7)
6) Seulas Pinang Sekapur Sirih (8)
7) Falsafah Sek. Men. (L) Methodist, Sentul (9)
8) Lagu MBS (10)
9) Kakitangan Akedemik 1991/92 (gambar) (11)
10) Senarai Nama Kakitangan Akedemik 91/92 (12-13)
11) Kakitangan Bukan Akedemik 91/92 (gambar) (14)
12) Dairi Sekolah 1991/92 (15-16)
13) MBS Dahulu, MBS Sekarang (17-18)
14) Analisa Keputusan Peperiksaan SRP/SPM 1990/91 (19-20)
15) Sepanjang Jalan Kenangan:
   - Hari Gotong Royong (21)
   - Lawatan YAB Timbalan Menteri Pendidikan (22)
   - Sukan Tahunan (23-27)
   - Kursus Kepimpinan (28-29)
   - Tragedi Kebakaran Bilik Guru (30)
   - Merentas Desa (31)
   - Hari Guru (32)
   - Hari Ucapan Dan Penyampaian Hadiah (33-34)
16) Bintang-Bintang MBS, Sentul (35-36)
17) Dalam Kenangan – En. Wijayasuriya (37-38)
18) Laporan Kelab Dan Persatuan (39-83)
19) Sudut Karya
   - Bahasa Melayu (84-92)
   - Bahasa Inggeris (93-110)
   - Bahasa Cina (111-117)
20) Lest We Be Forgotten (118-141)
21) Album Kenangan (142-154)
22) Ikrar Pelajar MBS, Sentul (155)
23) Iklan (156-160)
24) Autograf



SETITIS TINTA KETUA EDITOR

Assalamualaikum, Salam sejahtera

Jutaan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinnya telah menemukan kembali THE SENTINEL '92'

THE SENTINEL diterbitkan dengan tujuan untuk mendedahkan pelbagai aktiviti pelajar-pelajar sepanjang tahun ini dan sekaligus merakamkan satu ingatan peristiwa dan kenangan abadi dalam jangkamasa menjalani proses pengajaran dan pembelajaran.

Di sepanjang tahun ini berbagai detik sejarah yang dapat kami rakamkan di dalam sebuah majalah yang begitu bererti bagi semua penghuni MBS, Sentul. Oleh kerana manusia tidak lepas melakukan kesilapan, saya bagi pihak sidang redaksi memohon maaf di atas apa-apa pun jua kesilapan yang sudah tentu tidak disengajakan dan sedia menerima kritikan membina untuk dimanfaat pada masa akan datang.

Akhir kata, sambutlah salam hormat dan ungkapan ribuan terima kasih kepada semua sidang redaksi yang telah bertungkus lumus menyiapkan THE SENTINEL ' 92 walaupun terpaksa menghadapi berbagai rintangan. Terima kasih juga kepada semua pihak yang juga merupakan penyambung tradisi MBS, Sentul yang tercinta.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Mat Rizuan Mat Wazir
– Ketua Editor –

SIDANG REDAKSI 'THE SENTINEL' 1992



Guru Penasihat:
Pn. Amarjit Kaur
Pn. Ruzita Othman
Pn. Lai Seow Lin
En. Lim Ther Peng
En. Saiful Munir
En. Mohd Ghazi Husin

Penyelaras:
Pn. Mahnita Haji Ahmad

Ketua Editor:
Mat Rizuan (5 P 1)

Pen. Ketua Editor:
Saifulizan (4 Libra)

Sidang Editor:
Ching Yeow Fei (5 Sc 1)
Mohd Norhisham (4 Libra)
Loganathan (4 Gemini)

Kareografer & Artis:
Ang Zei Kwei (4 Leo)
Cheah Saw Kee (4 Leo)

Juru Foto:
Hari (5 Sc 2)
Ching Yeow Fei (5 Sc 1)



KATA ALU ALUAN

PENGARAH PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Assalamualaikum Wbt.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi di atas kejayaan pihak sekolah menghasilkan majalah tahunan "Sentinel". Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada pihak sekolah amnya dan Badan Redaksi Majalah Sekolah Menengah Lelaki Methodist Sentul khasnya di atas daya usaha menghasilkan majalah ini.

Dengan terbitnya "Sentinel" 1992 membuktikan bahawa sekolah ini melangkah setapak lagi ke arah memaparkan segala kejayaan dan kegiatan yang telah dicapai sepanjang tahun ini. Di samping itu, ianya juga merupakan saluran bagi pelajar mengembangkan bakat serta kreativiti mereka. Pengalaman yang berfaedah ini bukan sahaja akan menjadikan alam persekolahan pelajar lebih bermakna tetapi juga merupakan persediaan untuk menghadapi hidup dalam masyarakat nanti.

Pelajar hari ini adalah bakal pemimpin masa hadapan. Oleh itu pendidikan perlu dilihat daripada sudut kehidupan dalam masyarakat yang berubah dengan cepat. Ini akan memberi peluang yang lebih untuk membantu para pelajar membuat keputusan mengenai masa depan. Pelajar harus dididik untuk berfikiran kritikal, kreatif dan inovatif serta sanggup dan mampu menghapadi cabaran dan isu-isu masa kini.

Kepada pelajar Sekolah Menengah Lelaki Methodist Sentul, saya ingin menasihatkan supaya berani tampil ke hadapan mengambil bahagian dan bergiat cergas dalam pelbagai kegiatan di sekolah. Tiap-tiap orang mempunyai bakat, kebolehan dan kepandaian tersendiri. Potensi ini akan tinggal terpendam jika tidak diketengahkan. Oleh itu sama-samalah kita berusaha agar cita-cita negara mencapai wawasan 2020 terlaksana dengan jayanya.

Akhir kata saya berharap sekolah ini akan terus maju dalam semua lapangan. Kepada pelajar-pelajar diucapkan selamat maju jaya.

Wassalam.

(HAJI ABDUL RAHMAN B. YEOP)
Pengarah pendidikan
Wilayah Persekutuan



KATA ALU ALUAN

SETIAUSAHA PENDIDIKAN, SEKOLAH-SEKOLAH METHODIST MALAYSIA BARAT

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pengetua dan Ketua Pengarang Sidang Ridaksi Majalah The Sentinel '92 kerana sudi menjemput saya menyampaikan kata alu-aluan untuk dimuatkan di dalam majalah.

Pendidikan dalam negara kita sedang dalam proses perubahan dan perkembangan. Dengan pengenalan KBSR dan diekori oleh KBSM, pendidikan negara kita sedang mengamalkan satu corak yang tersendiri dan sesuai untuk hasrat dan cita-cita negara kita yang ingin maju ke arah matlamat-matlamat tertentu.

Negara kita pun telah menetapkan matlamat-matlamat tertentu dalam Wawasan 2020 supaya negara kita akan mencapai tahap negara maju, perindustrian, aman dan makmur. Matlamat-matlamat yang terkandung dalam wawasan 2020 adalah baik dan berfaedah kepada semua rakyat. Oleh yang demikian adalah wajib bagi semua rakyat Malaysia berusaha sedaya upaya ke arah menjayakan matlamat-matlamat Wawasan 2020.

Sekolah-sekolah Methodist yang telah ditubuhkan lebih satu abad mempunyai sejarah yang gemilang dalam bidang pendidikan. Sekolah-sekolah Methodist telah menyumbangkan kepada pembangunan negara kita melalui pendidikan yang dibekalkan kepada anak-anak daripada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, keturunan atau latar belakang sosio ekonomi. Pada masa silam, apabila wilayah-wilayah luar bandar masih belum ada kemudahan pendidikan, perintis Methodist telah melangkah ke hadapan mendirikan sekolah-sekolah supaya anak-anak di desa tidak diabaikan. Juga pendidikan yang disampaikan oleh sekolah-sekolah Methodist adalah sentiasa selaras dengan dasar-dasar pendidikan negara.

Maka dengan penetapan matlamat-matlamat Wawasan 2020 yang menjamin pembangunan serta kemakmuran negara, keamanan dan faedah kepada semua rakyat, adalah wajib bagi Sekolah Menengah Laki-laki Methodist Sentul sama ada murid atau gurunya menyedari tanggungjawab dan kewajipan memperjuangkan ke arah mencapai matlamat-matlamat tersebut.

Adalah harapan tinggi saya bahawa Sekolah Menengah Laki-laki Methodist Sentul akan terus memain peranannya sebagai institusi pendidikan yang telah lama wujud menghasilkan bakal rakyat yang murni, mulia, taat setia, berinisiatif dan berani.

Sekian dan Selamat Maju Jaya.

(YONG CHEE SENG)
Setiausaha Pendidikan
Sekolah-Sekolah Methodist
Malaysia Barat



KATA ALU ALUAN
PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH

Sekali lagi, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih saya kepada pihak sekolah kerana sudi memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan kata-kata aluan untuk majalah Sentinel 1992.

Keluaran majalah ini menandakan, tamatnya setahun lagi yang penuh bermakna dalam sejarah sekolah ini. Majalah Sentinel ini akan membawa memori-memori tahun ini kelak.

Saya difahamkan bahawa sekolah telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam bidang akademik dan kejayaan yang cemerlang dalam bidang sukan. Saya ingin merakamkan ucapan syabas kepada pengetua, guru-guru dan murid-murid sekolah di atas segala kejayaan ini. Tanpa usaha yang gigih dari semua pihak saya rasa kejayaan seperti ini tidak dapat dicapai.

Walau bagaimanapun, saya rasa kita perlu berusaha dengan tekad yang jitu supaya mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang, khususnya dalam bidang akademik, semoga sekolah ini menjadi sebuah sekolah utama atau 'premier' di Wilayah Persekutuan mahupun negara. Dengan usaha gigih segalanya akan terjadi. Kerjasama semua pihak, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid akan menjadikan impian ini satu kenyataan.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mencuapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang berusaha ke arah kemajuan sekolah ini. Kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan SRP dan SPM, berusahalah dengan lebih tekun supaya mencapai kejayaan yang cemerlang. Tuhan akan berada di sampingmu selalu. Selamat Maju Jaya.

Sekian, terima kasih

K. PANDIAN
PENGERUSI,
LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH,
SEKOLAH MENENGAH (L) METHODIST,
SENTUL, KUALA LUMPUR.



KATA-KATA ALUAN
PENGERUSI PIBG,

SEK. MEN. (L) METHODIST, SENTUL
KUALA LUMPUR.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu ingin saya ucapkan terima kasih kepada Sidang Pengarang Majalah Sentinel 1992 kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata. Ucapan syabas juga kepada pihak sekolah kerana sekali lagi berjaya menghasilkan majalah Sentinel yang merakamkan sejarah sekolah ini sepanjang tahun 1992 untuk kenangan di masa hadapan.

Sebagai Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, saya mengikuti segala perkembangan sekolah ini dan harus dikatakan bahawa kemajuannya dalam bidang akademik mahupun bidang sukan amat membanggakan. Akan tetapi kejayaan ini tidak mencukupi. Pelajar-pelajar haruslah berusaha untuk meninggikan taraf sekolah ini ke taraf sekolah-sekolah yang terkemuka di Wilayah Persekutuan mahu pun negara. Saya rasa itu bukan satu perkara luar biasa jika semua pihak, pelajar-pelajar, guru-guru dan ibu bapa bekerjasama.


Seperti biasa, saya ingin merayu kepada pihak ibu bapa supaya lebih giat dalam aktiviti sekolah yang melibatkan anak-anaknya sendiri. Perkara yang amat menyedihkan di sekolah ini ialah ibu bapa kurang menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan guru-guru. Sebenarnya tujuan persatuan ini adalah untuk memberi bantuan kepada sekolah dari serba segi demi untuk kebaikan pelajar-pelajar. Sekali lagi saya memohon kepada ibu bapa supaya menunjukkan sikap positif dalam hal ini.

Akhir kata, ingin saya ucapkan "Selamat Maju Jaya" kepada semua pelajar yang akan menghadapi peperiksaan. Kepada pelajar-pelajar yang menamatkan pelajaran mereka pada tahun ini "Allah" yang melindungi kamu sepanjang jalan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

USTAZ HJ. MOKHTAR BIN HJ. MD. NOR
Pengerusi PIBG
Sekolah Menengah (L) Methodist,
Sentul, Kuala Lumpur.

KATA ALU-ALUAN PENGETUA
SEK. MEN. (L) METHODIST, JLN. SENTUL K.L.



Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengarang 'The Sentinel' kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena keluaran tahun ini. Tahniah dan semoga terus berjaya saya ucapkan kepada jawatankuasa 'The Sentinel' serta semua yang bertanggungjawab dalam penerbitan majalah tahun ini.

The Sentinel merupakan saluran formal pelajar-pelajar sekolah ini untuk merakamkan peristiwa yang berlaku di sekolah ini sepanjang tahun di samping memuatkan rencana dan karya kreatif. Dengan adanya saluran formal seumpama ini kita dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk berkecimpung dalam bidang penulisan, akademik dan kreatif.

Pendidikan di negara kita hari ini lebih menekankan aspek pertumbuhan insan secara total dan seimbang merangkumi empat dimensi iaitu intelek, rohani, jasmani dan emosi. Dalam konteks perubahan konsep dan penekanan pendidikan, semua anggota sekolah dan masyarakat, khasnya ibubapa hendaklah berganding bahu bersatu tenaga ke arah mencapai matlamat pendidikan ini. Saya percaya dengan adanya kerjasama yang lebih erat di antara pentadbir sekolah, guru dan ibubapa serta para pelajar sendiri, kita dapat mencapai tahap kecemerlangan dalam semua bidang pendidikan.

Pada tahun 1991, sekolah ini telah mencapai pelbagai kejayaan khasnya dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Prestasi yang cemerlang sama ada dalam bidang akademik atau pun ko-kurikulum sukar dicapai tanpa bimbingan serta tunjuk ajar guru-guru yang berdedikasi dan mempunyai komitmen tinggi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada guru-guru sekolah ini atas usaha gigih mereka ke arah membentuk warganegara yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkemampuan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat.


Pada pelajar, dinasihatkan supaya menggunakan segala kesempatan yang ada untuk menimba ilmu pengetahuan dan memperolehi kemahiran dan nilai-nilai menyiapkan diri untuk menghadapi penghidupan yang penuh dengan cabaran pada masa akan datang.

Akhir sekali, izinkan saya ucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengelola Sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Persatuan Murid-murid Tua dan semua pihak yang telah memberi sumbangan yang tidak ternilai untuk kejayaan sekolah ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A. ATPUTHARAJA
PENGETUA,
SEKOLAH MENENGAH (L) METHODIST,
SENTUL, 51000 KUALA LUMPUR.



SEULAS PINANG SEKAPUR SIRIH

KETUA PELAJAR
SEK. MEN. (L) METHODIST, SENTUL
KUALA LUMPUR

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sidang Ridaksi SENTINEL kerana memberi peluang kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata.

Setelah enam tahun berada di bangku sekolah MBS Sentul, saya rasakan perhubungan ini seakan-akan anak dengan ibu. Memang rasa amat pahit dan keberatan untuk saya ucapkan selamat tinggal meskipun kini telah sampai ke penghujung pengajian. Mengenang kembali pada episod-episod yang kian berlalu, menyedarkan saya kepada detik-detik pahit manis yagn dialami bersama guru-guru yang berdedikasi dan bertanggungjawab serta rakan-rakan yang karib dan sentiasa membantu.

Saya bersyukur mendapati sekolah ini telah mengalami perubahan yang agak besar. Akibatnya prestasi sekolah kian meningkat. Pencapaian para pelajar dalam bidang akedemik telah semakin maju di samping kemaraan sukan dan kegiatan ko-kurikulum melambung dengan pesat sekali. Secara tidak langsung, ini telah mencipta kejayaan bagi diri pelajar sendiri seraya mengharumkan nama sekolah. Sementara itu, disiplin sekolah pun telah semakin menjadi kukuh jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Selain daripada itu, satu perkembangan yang positif juga telah terbentang. Bangunan sekolah yang usang telah dicatkan semula, kerusi meja pun telah diganti dengan yang baru manakala tandas sekolah telah diperbaiki dengan sempurna.

Setelah lima tahun saya bertugas sebagai pengawas, memang banyak pahit maung yang dialami. Walau bagaimanapun, segala rintangan telah berjaya saya tempuhi kerana mendapat kerjasama daripada para pengawas dan ahli jawatankuasa yang bersemangat tanpa mengira pengorbanan dan penat lelah. Ingin saya mengucapkan syabas dan pujian kepada para pengawas kerana telah menjalankan tugas masing-masing dengan memuaskan.

Sebelum mengakhiri lembaran ini, bagi pihak Lembaga Pengawas, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. M. Kumeresen dan En. Fadhil sebagai Guru Penasihat, Tuan Pengetua En. A. Atputharaja, Pn. Raj Penolong Kanan I dan Pn. Norsiah Penolong Kanan Hal Ehwal Murid atas segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan dan bantuan yang telah diberikan. Kepada guru-guru yang telah memberikan didikan kepada saya dan Lembaga Pengawas, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala daya usaha dan pengorbanan yang tidak mengenal jemu.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para pelajar yang telah memberikan kerjasama serta sokongan moral kepada saya. Semoga sekolah MBS SENTUL ini akan terus maju. Akhir kata, sekiranya ada apa-apa kesilapan berlaku semasa saya menjalankan tugas, saya berharap kalian akan memaafkan saya;

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti,
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

Sekian, terimah kasih.

"Ora Et Labora" - "Berdoa dan Berusaha"

CHIN YOON SIN
KETUA PENGAWAS 91/92.

FALSAFAH SEKOLAH MENENGAH (L) METHODIST, SENTUL, K. LUMPUR.

Pendidikan di sekolah ini adalah suatu usaha yang berterusan ke arah melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Matlamat ini akan tercapai berdasarkan keyakinan bahawa

PELAJAR BOLEH DIDIDIK

BERKAT USAHA DAN DOA.

LAGU M.B.S.


March
M. B. S. Be - ri Si - na - ran
Pa - da Ka - mi Se - mua Ber - a - sas Pen - di - di - kan
yang mur - ni Bi - na Bang - sa yang mu - lia Pe - la -
jar ber - bi - lang bang - sa wu - jud - kan per - pa - du -
an. M. B. S. kan ber - u - sa - ha men - ca
1 2
pai ke - ja - ya - an an Ka - mi - kan ber -
u - sa - ha men - ca pai ke - ja - ya - an

KAKITANGAN AKEDEMIK SML, METHODIST SENTUL 91/92



(Hadapan) Duduk Dari Kiri: En. Cheang King Ting, En. S. Selvaraj, En. Zainuddin Amran, Cik Goh Kai Lian, Pn. Low Yew Lim, En. M. Kumeresan, En. K. Selvarajah, Pn. M. Pasupathy (Penolong Kanan), En. Atputharaja (Pengetua), Pn. Norsiah Mohd Yusuf (Penolong Kanan HEM), En. Samsuri Salleh (sudah bertukar) Pn. Rohani Ibrahim, Pn. Mariatum Kabtiyah Ghazali, Pn. Sasikala K.M. Nair, Pn. Amarjit Kaur, Pn. Helena Foo, Pn. Yee Kok Seong.

(Tengah) Berdiri Dari Kiri: Pn. Zakiah Daud, Pn. Norkhidah Abdullah, Pn. Mahnita Ahmad, Pn. Pui Kimleen, Pn. Choo Lik Pin, Pn. Norbaini Zainal Abidin, Cik Ramaperbah, Cik Sumati, Pn. Wong Siew Hium, Pn. Lai Seow Lin, Pn. Zarrin Abdullah, Cik Mary Raj, Pn. Oliza Omar, Cik Norhadijah Hashim, Pn. Mariah Jamil, Pn. Arina Hussin, Pn. Zaitun Md Isa (sudah bertukar), Pn. Rosenee Che Hashim, Cik Suzaini Abd. Majid, Ustazah Hasnah Musa, Pn. Ruzita Othman, Pn. Noraini Abd. Hamid, Pn. Jaurlah Mat.

(Belakang) Berdiri Dari Kiri: En. Saiful Munir Mansor, En. Rama Rao, En. Sukiman Sukimin, En. Mohd Ghazi Husin, En. Yam Fook Poh, En. Ragbir Singh, En. A. Veelurajan, En. Su Too Fong, En. Md. Nor Shafie, En. Md. Noh Buhari, En. Chan Chee Man, En. Choo Chee Seng, En. Ahmad Kamal Ismail, Ustaz Mohd Arif Ali, En. Shariel Abd. Samat, En. Lim Ther Peng.

Tiada Dalam Gambar: Pn. Wan Bahiah Wan Nik, Pn. Lau Chong Kong, Pn. Teoh Kwan Swee, Pn. Azizah Abdullah, Pn. Eshah Othman, Pn. Hjh. Siti Aishah Abd Kadir, Ustazah Salwani Jusoh, Ustazah Kalsom Abdullah, Pn. Ong Tam choon, Pn. Nur Azlina Abd. Aziz, En. Mashar Hamdan, En. Abd. Rahman Abdullah, En. Mohd Fadzil Mohd Jaafar, En. S. Athitan, En. T. Andrew James, En. Douglas Ratnapala, Pn. Melor Othman, En. Kwok Yan chee, En. Chandra Daniel Sinniah, Pn. Raudzah Abd. Halim, Pn. Hwang Boon Yong, Pn. Halimah Majid, En. Abdul Wahid Abdullah, Ph. Rahman Othman.

AHLI JAWATANKUASA PENGELOLA SEKOLAH MENENGAH (L) METHODIST SENTUL, KL

NAMA AHLI	ALAMAT	JAWATAN	MEWAKILI
1. En. K. Pandiah	6, Jalan 12/14C, 46200 Petaling Jaya	Pengerusi	Lembaga Methodist
2. En. A. Atputharaja	Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur.	Setiausaha	Pengetua Sekolah
3. Tuan Hj. Mohd. Ariff bin Osman (GSM)	No. 6, Jalan SG7/1, Tmn. Sri Gombak, 68100 Bt. Caves, Selangor.	AJK	Kementerian Pendidikan
4. En. Abdullah b. Ahmad Desa	Bank Rakyat, Jalan Tangsi, 50480 Kuala Lumpur.	AJK	Kementerian Pendidikan
5. En. P. Venugopal	97, Jalan Telawi, Bangsar Baru, 59100 Kuala Lumpur.	AJK	Murid-Murid Tua
6. En. Chung Chee Kin	33, Jalan 38/38A, Taman Indah, Kepong, 52100 K. Lumpur.	AJK	Murid-Murid Tua
7. En. Stephen Samuel	21, Jalan SS 3/23, Taman Subang, 47300 Petaling Jaya.	AJK	Murid-Murid Tua
8. Dr. Ron Tan Kee Kwong	Klinik TAR, 329, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 K.L.	AJK	Lembaga Methodist
9. En. Tan Geok Soon	213, Jalan Desa Mesra, Tmn. Desa, Jalan Klang Lama, K.L.	AJK	Lembaga Methodist
10. Rev. Lawrence Francis	22, Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.	AJK	Lembaga Methodist

SENARAI NAMA KAKITANGAN AKADEMIK SML METHODIST SENTUL 1991/92

	NAMA	KATEGORI	KELAYAKAN
1.	En. A. Atputharaja	D1 - T.T.G	B.A (Hons), Dip. Ed.
2.	Pn. M. Pasupathy	D1 - T.K.	B.A (Hons), Dip. Ed.,Adv., Dip. Ed., M.A
3.	Pn. Norsiah Mohd Yusof	D1 - T.K.	B.A (Hons), Dip. Ed.
4.	En. K. Selvarajah	D1	RTC, B.A., TESL.
5.	En. Lim Ther Ping	D1	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
6.	Pn. Low Yew Lim	D1 - T.K	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
7.	Cik Goh Kai Lian	D1 - T.K	B.A (Hons) Dip. Ed.
8.	Pn. Lau Chong Kong	D1	B.Sc. (Hons), Dip. Ed.
9.	Pn. Mariatum Khabtiyah Ghazali	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
10.	Pn. Rohani Ibrahim	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
11.	Pn. Zakiah Daud	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
12.	Pn. Yee Kok Seng	D1	B. Ec. (Hons), Dip. Ed.
13.	Pn. Helena Foo	D1	B. Ed. (Counselling).
14.	Pn. Teoh Kwan See	D1	B. Sc., Dip. Ed.
15.	En. Yam Fook Poh	D1	B. A Ed. (Hons).
16.	En. Veelurajan	D1	B. A, (Hons).MPSK
17.	Pn. Mariah Jamil	D1	B. Sc with Ed. (Hons).
18.	En. Athitan S	D1	B. Sc (Hons), Dip. Ed.
19.	Pn. Wan Bahiah Wan Nik	D1	B.A with Ed. (Hons).
20.	Pn. Amarjit Kaur	D1	B. A (Hons), Dip. Ed.
21.	Pn. Norkhidah Abdullah	D1	B. Sc with Ed. (Hons).
22.	Pn. Sasikala K.M. Nair	D1	B. A (Hons), Dip. Ed.
23.	Cik Nor Hadijah Hashim	D1	B. Sc (Hons), Dip. Ed.
24.	En. Mohd Fadzil Mohd Jaafar	D1	B. Sc (Hons), Dip. Ed.
25.	Pn. Rosenee Che Hashim	D1	B. Sc (Hons), M.A. Ed.
26.	Pn. Eshah Othman	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
27.	Pn. Salwani Jusoh	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
28.	Pn. Zarrin Abdullah	D1	B. Sc with Ed. (Hons).
29.	Pn. Nurbaini Zainal Abidin	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
30.	Pn. Lai Seow Lin	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
31.	Pn. Mahnita Hj. Ahmad	D1	B.A (Hons), Dip, Ed.
32.	Pn. Ong Tarn Choon	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
33.	Pn. Nur Azlina Abd. Aziz	D2	B.A, Dip. Ed.
34.	Pn. Zaitun Md. Isa	D2	B.A, Dip. Ed.
35.	Pn. Hasnah Musa	D4	B.A (Hons), Dip. Ed.
36.	En. Mohd Arif Mohd Ali	D4	B.A (Hons), Dip. Ed.
37.	Pn. Rozita Othman	D4	B.Sc (Hons), Dip. Ed.
38.	Pn. Nooraini Abd. Hamid	T1	Dip. Sc. with Ed.
39.	En. Mohd Noh Buhari	T1	Dip. Sc. with Ed.
40.	En. Abd Wahid Abdullah	T1	SITC. Dip, Acc.
41.	En. Su Too Fong	T1	MTC

42.	En. Samsuri Salleh	C1	STP, DTC
43.	En. Zainuddin Amran	C1	STP, MTC
44.	En. Rama Rao	C1	STP, MTC
45.	En. Lim Tong Eng	C1	HSC
46.	En. Ahmad Kamal Ismail	C1	STP, CT
47.	En. Choo Chee Seng	C1	STP, MTC
48.	En. Cheang King Ting	T3	SC, TTTC
49.	En. T. Andrew James	T3	Sc, TTTC
50.	En. Abd. Rahman Abdullah	T3	Sc, MCE, MPT
51.	En. Mohd Shafie	T3	MCE, CT
52.	En. Mohd Nor Shafie Abd. Samat	T3	SPVM, CT
53.	En. S. Selvaraj	C2	SC, MCE, MPT
54.	Cik Lourdu Mary Raj	C2	SC, RTC
55.	En. Chan Chee Man	C2	DSC. RTC
56.	En. Kwok Yan Chee	C2	OSC, RTC
57.	Pn. Hwang Boon Yong	C2	OSC, RTC
58.	En. Douglas Ratnapala	C2	SC, MCE, RTC
59.	Pn. Hjh. Siti Aishah Abd. Kadir	C2	SC, GCE, RTC
60.	Pn. Rahmah Othman	C2	MCE.
61.	Pn. Melor Othman	C2	MCE, MPMIC
62.	En. Mahsar Hamdan	C2	MCE, CT
63.	Pn. Choo Lik Pin	C2	MCE, MPIK
64.	Pn. Halimah Majid	C2	MCE
65.	En. Kumaresen M	C2	MTC
66.	En. Chandra Daniel Sinniah	C2	MCE, TESL
67.	Pn. Kalsom Abdullah	C2	MCE, MPI
68.	Pn. Raudzah Abd. Halim	C2	STPM
69.	En. Saiful Munir Mansor	C2	STPM
70.	Pn. Azizah Abdullah	C2	SPM
71.	Pn. Oliza Omar	C2	SPM
72.	En. Sukiman Sukimin	C2	SPM
73.	En. Mustafa	C1	STPM
74.	En. Wan Abd. Manan Wan Abdullah	C2	SPM
75.	Pn. Maziah Ali	D1	B.A (Hons), Dip. Ed.
76.	En. Mohd Ghazi Husin	C4	SPM
77.	Cik Puspamalar Balasuramaniam	C4	SPM
78.	Cik Rafidah Hassan	C4	SPM
79.	En. Shankar Marimuthu	C4	SPM
80.	Pn. Arina bt Hussain	D4	B. Sc. (Hons), Dip. Ed.
81.	Pn. Wong Siew Hium	D4	B. Sc., Dip. Ed.
82.	Cik Suzaini Abd Majid	D4	B.A (Hons), Dip. Ed.
83.	Pn. Jauriah bt Mat	D4	B.A (Hons), Dip. Ed.
84.	Pn. Pui Kimleen	D4	B. A (Hons), Dip. Ed.
85.	Pn. Nor Yasmin Jamaluddin	D4	B.A. (Hons), TESL

KAKITANGAN BUKAN AKEDEMIK 1991/1992



Duduk dari kiri : Pn. Norliah Adam

En. Nasir

Pn. M. Pasupathy (Penolong Kanan)

Pn. Norsiah Mohd Yusof (Penolong Kanan HEM)

Pn. Bilbindar Kaur

En. Krishna

Berdiri dari kiri : En. Subramaniam

En. Abdullah

En. Jamaluddin

En. Chandren

En. Babul Ahirul Amin

En. Mohamed.

With Best Compliments

from

玉美自立公司


GRACE SENDIRIAN DISTRIBUTORS

批發供應：
文房用具，運動用品，恤衫，獎牌，印務及課本。

WHOLESALES & SUPPLIED:
STATIONERY, SPORTS GOODS, T-SHIRT, TROPHIES PRINTING & BOOKS.

59, JALAN DESA MAKMUR, TAMAN DESA,
4TH MILE, OLD KLANG ROAD,
KUALA LUMPUR.
TEL: 7822688

SEPANJANG Jalan Kenangan



Dairi Sekolah

DIS '91

- 2/12 - Semester pertama sekolah bermula
- 7/12 - Hari Gotong Royong
- 9/12 - Pendaftaran Ting. 4.
- 13/12 - Mesyuarat Rumah Sukan.
- 25/12 - Cuti Christmas





JAN '92

1/1 - Cuti Tahun Baru
3/1 - Perjumpaan kelab & persatuan
6/1 - Projek 'AIDS'
16/1 - Lawatan Timb. Menteri Pendidikan Dr. Fong Chan Hong ke sekolah.
- Pameran kerjayaan dan unit bimbingan sekolah.
- Mesyuarat Kelab Guru
20-24/1 - Ujian 1



APRIL '92

4-5/4 - Cuti Hari Raya Puasa.



MEI '92

1/5 - Cuti hari pekerja.
9/5 - Merentas Desa.
17/5 - Cuti Hari Wesak.
18/5 - Pemeriksaan pertengahan Tahun
21/5 - Sambutan Hari Guru Peringkat sekolah.
22/5 - Penyediaan kad kemajuan.
23/5 - 14/6 - Cuti persekolahan (3 minggu).



OGOS '92

1/8 - Kursus Penghayatan Islam
8/8 - Hari Ucapan dan Mesyuarat Agung PIBG
15-22/8 - Cuti antara semester (1 minggu)
24-28/8 - Penyerahan Borang Laporan aktiviti Kelab sukan dan Persatuan.
- Pemeriksaan Percubaan SRP
31/8 - Cuti Hari Kebangsaan.



WAWASAN ASAS KEMAJUAN

SEPT '92

1-8/9 - Ujian lisan B.I. SPM
- percubaan amali Sains (SPM)
9/9 - Cuti Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W.
11/9 - Program Ulangan SRP
14-18/9 - Pemeriksaan Percubaan SPM
21-26/9 - Pemeriksaan SRP



1991/1992

FEB '92

:-6/2 - Cuti Tahun Baru Cina

:/2 - Sukan Tahunan

:/2 - Kursus kepimpinan Pelajar

2/2 - 1/3 - Cuti antara semestar (1 minggu)




MAC '92

6/3 - Mesyuarat Agung Koperasi

17/3 - Kebakaran Bilik guru

23/3 - 27/3 - Ujian 2




JUN '92

:/6 - Mesyuarat Panitia

7/6 - Perjumpaan Ibu Bapa / Guru

2 — 26/6 - Sesi pengambilan gambar majalah sekolah.



JULAI '92

2/7 - Cuti Maal Hijrah

6 — 18/7 - Ujian Lisan BM (SPM)

- Peperiksaan B.I. 1119

20 - 24/7 - Ujian 3

- Mesyuarat Panitia



OKT '92

28/9 — 2/10 - Peperiksaan Akhir Tahun

— 14/10 - Peperiksaan Amali Sains SPM

- Ujian Lisan BM / BI SRP

- Penyediaan Kad kemajuan & kad 001.

- Program ulangan untuk SPM

2 - 16/10 - pengedaran majalah sekolah

- pengedaran kad kemajuan

9 — 23/10 - Permulaan Peperiksaan SPM

27/10 - Peperiksaan Berfulis SPM

14/10 — 29/11 - Cuti Persekolahan (5 minggu)



DILUKIS OLEH :- Chan Chien Siang

MBS DAHULU....










MBS SEKARANG....











ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SRP 1991

Bil.	Matapelajaran	Lulus								Gagal	Bil. Ambil Pep.	Bil. Lulus	Peratus Lulus	Gred Purata
		1	2	3	4	5	6	7	8	9				
1.	Bahasa Malaysia	6	21	32	12	20	40	84	55	84	354	270	76.27	6.26
2.	Bahasa Inggeris	18	13	25	16	8	22	38	65	147	352	205	58.24	7
3.	Sejarah	18	10	25	9	12	21	67	67	123	352	249	70.74	6.95
4.	Geografi	13	8	18	14	7	21	75	89	109	354	245	69.21	7.11
5.	Bahasa Cina	–	–	–	–	–	–	–	–	4	4	0	0	9
6.	Bahasa Tamil	–	–	–	–	–	1	1	2	4	8	4	50	8.12
7.	Pendidikan Islam	–	–	–	1	–	1	7	31	55	95	40	42.1	8.44
8.	Matematik	31	8	20	4	6	16	58	149	61	353	292	82.72	6.79
9.	Sains	15	14	27	20	13	53	52	87	72	353	301	85.27	6.50
10.	Kem. Hidup Pilihan A	1	–	4	4	2	13	28	39	69	160	91	56.8	7.79
11.	Kem. hidup Pilihan B	11	5	10	4	5	11	26	43	75	190	115	60.53	7.15
12.	Pendidikan Seni	6	12	22	3	13	27	53	71	27	241	–	85.8	–

Tahun	1989	1990	1991
Pangkat A	191	195	153
Pangkat B	45	46	59
Pangkat C	15	7	7
Pangkat S	107	113	125
Pangkat XXT	5	17	19
Pangkat X	18	3	10
Bil. Ambil Pep.	381	364	354
Bil. Tidak Badir	5	17	19
Peratus Lulus Pangkat A Sahaja	50.79	53.57	43.22

ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 1991

Bil.	Matapelajaran	Lulus								Gagal	Bil. Ambil Pep.	Bil. Lulus	Peratus Lulus	Gred Purata
		1	2	3	4	5	6	7	8	9				
1.	Bahasa Malaysia	–	2	22	9	25	39	50	56	40	250	205	83.33	
2.	Kesusasteraan Melayu	–	–	–	1	–	–	6	7	32	47	14	30.44	
3.	Pengetahuan Ag. Islam	2	1	4	5	3	7	9	15	22	69	46	67.64	
4.	Sejarah	5	3	11	5	6	20	24	17	66	165	91	57.96	
5.	Geografi	3	1	14	4	8	25	19	26	146	249	98	41.0	
6.	Bahasa Inggeris	2	18	41	7	12	31	28	27	76	250	170	69.1	
7.	Matematic C	16	17	25	5	9	11	8	14		250	105	43.75	
8.	Matermatik Tambahan	1	6	11	1	6	10	6	6	135	72	47	71.2	
9.	Rampaian Sains	2	1	8	3	3	11	12	41	19	175	81	49.4	
10.	Fizik	4	10	12	5	5	10	12	10	83	75	68	90.66	
11.	Kimia	4	10	9	2	8	8	7	3	7	75	51	68.9	
12.	Biologi	6	6	12	6	5	10	11	8	23	74	65	89.04	
13.	Lukisan	8	3	9	8	5	4	24	26	8	149	123	85.4	
14.	Perdagangan	1	1	8	2	2	12	7	17	21	150	48	39.02	
15.	Perinsip Akaun	9	5	6	2	2	6	6	7	75	92	45	52.9	
16.	Bahasa Cina	–	–	8	1	1	1	1	1	40	8	5	71.4	
17.	Biologi Manusia & Kemasyarakat	–	–	–	–	–	–	–	1	2	1	1	100	
18.	Bahasa Tamil	–	–	–	–	–	–	–	–	–	3	–	–	
19.	Bahasa Punjabi	–	–	1	–	1	–	–	–	3	3	3	100	
20.														
21.														

Tahun	1989	1990	1991
Pangkat I	44	31	30
Pangkat II	38	42	48
Pangkat III	54	54	61
Bil. Lulus (I – III)	136	127	139
Bil. Ambil Pep.	316	243	250
Bil. Gagal	77	115	107
Bil. Tidak Hadir	3	–	4
Peratus Lulus	63.85	52.26	56.5

HARI GOTONG ROYONG
PADA 7HB DISEMBER '91



Wah... untung ka?



...Kena berus sampai kilat....




orang kata 'mop' ni senang
...rupanya sakit pinggang!



Masa tunggu result SPM, kita ambil tender mengecat ye.....




tengok saya...
tak apa-apa pun!!!



Kerja sepakat membawa berkat

Aduh...!
kotornya
kipas ni...



LAWATAN TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN PADA 16HB JANUARI '92




Saya datang nak buat sport-check....



taklah... nak bagi cek....



Silakan....



Dah bersedia untuk SPM? Adalah sikit-sikit Dr....



Sikit-sikit nanti sakit !!!


SUKAN TAHUNAN
PADA 14HB FEBRUAI '92




























1



LAPORAN SUKAN TAHUNAN KE 46

Sepanjang tahun ini prestasi sukan olahraga dan merentas desa semakin meningkat sama ada di peringkat sekolah mahu pun peringkat MSSWP. Pencapaian yang cemerlang dalam kedua-dua kejohanan ini serta beberapa perlawanan lain telah meningkatkan lagi semangat, kesungguhan dan mutu sukan pelajar-pelajar MBS. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua guru dan pelajar yang berusaha dan berlatih bersungguh-sungguh.

Olahraga tahunan telah diadakan pada 14 Februari 1991, di Stadium Negara manakala Merentas Desa pula telah dilaksanakan pada 2 Mei 1991.

Sebanyak 5 rekod baru telah dicipta.

SUKAN TAHUNA KE 46

Bill.	Acara	Kelas	Pemenang	Catatan	Rumah
1.	Lempar Cakera	1	Ng Wee Soon	26.08 m	B
2.	Lempar Cakera	2	Mohd. Khairi	17.68 m	U
3.	Lempar Cekara	3	Gopinath	18.85m	M
4.	Lompat Jauh	1	Chin siong Yew	5.74m	H
5.	Lompat Jauh	2	Wong Sim Ming	5.50m	H
6.	Lompat Jauh	3	Mohd, Ilyas	4.24m	M
7.	Lompat Tinggi	1	Chin Siong Yew	1.65m	H
8.	Lompat Tinggi	2	K. Kannan	1.45m	K
9.	Lompat Tinggi	3	Poobalan	1.21m	H
10.	Lontar Lembing	1	Sujith	23.83m	U
11.	Lontar Lembing	2	K. Loganathan	25.45m	M
12.	Lontar Peluru	1	Chian Shuen Liang	10.37m	M
13.	Lontar Peluru	2	Azlisham	9.34m	B
14.	Lontar Peluru	3	Sazali	8.89m	M
15.	Lompat Kijang	1	Mohd Shamnazli	11.47m	U
16.	Lompat Kijang	2	Murthy	10.45m	B
17.	Lompat Kijang	3	Mohd Ilyas	9.42m	M
18.	1500m Terbuka	-	Sivakumaran	5:24.87 s	H
19.	3000m Terbuka	-	Sivakumaran	10:31.04 s	H
20.	100 m	1	Ching Siong Yew	12.10 s	H
21.	100 m	2	Selvarajah	12.00 s	K
22.	100m	3	Poobalan	13.43 s	H
23.	800m	1	Baskaran	2:24.4 s	M
24.	800m	2	Sivakumaran	2:10.66 s (R.B)	H
25.	800m	3	Vickneswaran	2:35.49 s	H
26.	200m	1	Faizal	25.73 s	U
27.	200m	2	Selvarajah	24.12 s (R.B)	K
28.	200m	3	Mohd Asrul	28.6 s	U
29.	400m	1	Oh Keat Gee	61.3 s	B
30.	400m	2	Sivakumaran	57.72 s (R.B)	H
31.	400m	3	Poobalan	63.4 s (R.B)	H
32.	4x100m	1	-	5o.74 s	K
33.	4x100m	2	-	50.63 s (R.B)	H
34.	4x100m	3	-	55.6 s	B
35.	4x400m	1	-	4:06.3 s	B
36.	4.x400m	2	-	4:08.63 s	H
37.	4z400m	3	-	4:41.8 s	K
38.	Olahragawan Terbaik	3	Poobalan	-	H
39.	Olahragawan Terbaik	2	Sivakumaran	-	H
40.	Olahragawan Terbaik	1	Chin Siong Yew	-	H
41.	Johan Rumah	3	Merah		
42.	Johan Rumah	2	Hijau		
43.	Johan Rumah	1	Hijau		
44.	Johan Kawad Perbarisan	-	Rumah Merah		
45.	Johan Keseluruhan	Hijau	- 338 Mata		

*(R.B) 0 Rekod Baru

MERENTAS DESA

Kelas 1		Kelas 2		Kelas 3	
1. R. Sivakumaran	H	Vickneswaran	H	Vikneswaran	H
2. Loganathan	M	Seelan	M	Kathiravan	B
3. Ganesan Murti	K	Mahendran	H	Gopi	K
4. Nagarajan	H	Suresh	H	Christian	U
5. Elengeswaran	B	Steven	U	Shahjahan	K


1. Rumah Merah - 92 mata	Rumah Hijau - 146 mata	Rumah Kuning -15 mata
2. Rumah Hijau - 88 mata	Rumah Ungu - 96 mata	Rumah Ungu - 98 mata
3. Rumah Kuning - 56 mata	Rumah Merah - 62 mata	Rumah Biru - 82 mata
4. Rumah Biru - 52 mata	Rumah Biru - 41 mata	Rumah Merah - 73 mata
5. Rumah Ungu - 16 mata	Rumah Kuning - 30 mata	Rumah Hijau - 67 mata

Johan Keseluruhan	–	Rumah Hijau	– 301 mata
		Rumah Merah	– 227 mata
		Rumah Ungu	– 210 mata
		Rumah Kungin	– 201 mata
		Rumah Biru	– 175 mata


KURSUS KEPIMPINAN DAN CERAMAH KERJAYA PADA 15HB FEBRUARI '92



Selain ceramah.....




.....ada pameran kerjaya




Dah kenyang.... mengantuk pulak mata. !!.



....dan makan!!!



Macamana nak jadi pemimpin yang dihormati?



.... mesti yakin pada diri....



Rumah Pak Ali banyak tikus,
Kami gembira hadiri kursus



.... Isikan masa dengan
berfaedah, jangan tiru
budanya rock
macam di sebelah!!







apa idea nak cakap
lepas ni...




.... Kita undi siapa berucap
dulu ye!!

TRAGEDI KEBAKARAN BILIK GURU PADA 16HB APRIL '92










MERENTAS DESA PADA 2HB MEI 92




Jangan kuat-kuat.. sakit !!!

Kami Juara....









Tahniah... terima kasih Cikgu...

Idamanku !!




HARI GURU
PADA 18HB MEI '92



Bila nak mula persembahan ni.....
perut I dah lapar.



'Selamat Hari Guru', Cikgu....



Betul ke senikata ni?



eeh... eh!
Cepat sikit
Cikgu.....

HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH PADA 8 OGOS 1992



Selamat datang En. R Pandian.



Bila nak mula ni?




Inilah persembahan ... boria kami ...



... Program begini harus diteruskan pada masa akan datang ...







... Semoga ini menjadi pendorong supaya pelajar bertambah tekun untuk berjaya ...





Syabas !!

Terima kasih

PELAJAR TERBAIK SPM 1991



NAMA : Chin Yoon Tze

KEPUTUSAN : 9A

RAHSIA KEJAYAAN : Kerajinan merupakan satu faktor utama ke arah kejayaan hidup kita, khasnya dalam konteks akademik. Ini meliputi usaha kita untuk mengulangkaji, membuat solan tambahan dan yang penting sekali ialah memahami pengajaran-pengajaran guru sepenuhnya. Falsafah pembelajaran saya adalah berdasarkan atas kerelaan mendapat tunjuk ajar daripada guru-guru supaya segala kemusykilan dan masalah pembelajaran dapat diatasi. Adalah diharapkan semua pelajar rela dan bersedia mendapatkan bantuan guru sekiranya terdapat sebarang 'halangan' dalam melalui liku-liku pendidikan.

PELAJAR TERBAIK SRP 1991



Low Lian Aik – 8A1




Tan Coon Chaw – 8A1

Teoh Eu Gene – 8A1




Yong Kok Wai – 8A1



Pasukan Olahraga Sekolah dan MSSWP.



R. Sivakumar
Bintang Olahraga MBS Sentul



Selvarajah dan Mahendran
mewakili bolasepak peringkat MSSWP dan Kuala Lumpur



DALAM KENANGAN

En. Clarence Wijayasuriya telah menjadi pengetua sekolah ini sejak bulan September 1979 hingga 1988. Kini beliau telah kembali ke pangkuan Tuhan pada 28 Mei 1992 di Australia. Jasa dan bakti beliau terhadap sekolah ini semasa perkhidmatannya tidak dapat dilupakan oleh setiap pelajar mahupun guru-guru yang mengenali beliau.

Beliau telah dilahirkan pada 22.03.1938 di Kuala Lumpur dan menerima pendidikan awalnya di St. John's Institution, Kuala Lumpur, di High School, Kelang, kemudian di St. Anthony's College dan menamatkannya semula di Sek. Men. St. John's, Kuala Lumpur. Beliau memulakan sumbangan sebagai guru dengan memasuki Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang pada tahun 1959 untuk menerima latihan. Dua tahun kemudiannya beliau memulakan perkhidmatannya sebagai guru di Kuala Selangor, Selangor. Pada tahun 1969, berkat hasil usahanya, beliau telah menerima Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya. Kemudian beliau kembali mengajar di beberapa buah sekolah termasuk Sek. Men. St. John's, Sek. Men. Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor, Sek. Men. Taman Cokhrane dan Sek. Men. Cheras. Beliau kemudiannya menjadi Pemangku Pengetua di Sek. Men. Cheras.

Selepas menimba pengalaman yang begitu luas, beliau memulakan tugas pula sebagai Pengetua Sek. Men. (L) Methodist Sentul pada September 1979. Ketika itu Sek. Men. (L) Methodist, Sentul 'agak terkenal' di seluruh Kuala lumpur kerana masalah disiplinnya. Sebut sahaja nama sekolah ini, penghuni sekitar mengenalinya. Guru-guru baru teragak-agak untuk berkhidmat di sini. Pergaduhan di luar sekolah merupakan perkara mingguan.

Kedatangan En. Wijayasuriya sebagai pengetua sekolah telah mengubah segalanya. Ini bersesuaian dengan wataknya, orangnya tegap persis seorang ahli gusti, air mukanya bengis dan tamparannya amat menyakitkan. Namun di sebalik semua ini, beliau sebenarnya memiliki hati yang lembut dan berperasaan belas kasihan serta kaya dengan peri kemanusiaan. Beliau mula mengawal dan mengetatkan segala peraturan sekolah dengan caranya tersendiri sehingga masalah disiplin dapat dikekang. Sebilangan pelajar yang berlagak samseng terpaksa mematuhi


dan mengubah sikap. Dalam tempoh lapan tahun itu masalah disiplin dapat diatasi serta berwajah baru.

Pencapaian akedemik telah meningkat ketahap yang boleh dibanggakan. Sebagai Pengetua yang berdedikasi, beliau juga telah memulihkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru. PIBG menjadi kukuh dengan kestabilan kewangannya dalam membantu sekolah. Melalui sokongan padu beliau, sekolah telah mencapai pelbagai kejayaan cemerlang terutamanya dalam bidang sukan. Sehingga kini sekolah ini disegani oleh sekolah-sekolah lain dalam bidang olahraga dan bola sepak. Beliau juga memulakan rancangan jangka panjang bagi membina sebuah bangunan lima tingkat untuk sekolah ini. Pengutipan derma telah dimulakan pada tahun 1984 namun impian itu masih belum menjadi kenyataan.

Ringkasnya, beliau telah memberi nafas baru kepada sekolah ini. Daripada sebuah sekolah yang dipandang rendah oleh masyarakat menjadi sebuah sekolah yang disegani akhirnya. Biar pun beliau terkenal dengan 'moody' dan bengisnya, namun itu hanya untuk sementara sahaja. Sebenarnya tersembunyi sesuatu yang amat bernilai di dalam dirinya demi menginginkan kejayaan anak didiknya. maka dengan itu tanggung jawab terhadap kepentingan pelajarnya diutamakan dari segala yang lain.

Beliau bersara pada 1988 dan berhijrah ke Australia supaya dapat bersama-sama dua orang anak perempuannya yang melanjutkan pelajaran di sana. Namun takdir mengatasi segalanya, usia beliau hanya setakat itu. Walaupun kini beliau sudah tiada pelajar-pelajar, guru-guru, Ibu Bapa dan orang-orang yang terlibat dengan sekolah ini akan tetap mengenang jasa dan bakti beliau kepada sekolah. En. Wijayasuriya akan menjadi lipatan sejarah sekolah ini untuk dikenang sentiasa oleh generasi demi generasi. Akhirnya, semoga Tuhan melindungi beliau dan keluarganya.

– Sekian –



Laporan

KELAB DAN PERSATUAN

LAPORAN LEMBAGA PENGAWAS





Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengawas 1991/92

Penaung:
En. A. Atputharaja (Pengetua)

Guru-guru Penasihat:
En. M. Kumaresen, En. Fadzil

Ketua Pengawas:
Chin Yoon Sin

Pen. Ketua Pengawas:
Lam Wai Khuen

Setiausaha:
Oh Keat Gee

Bendahari:
Lim Kean Kok

Ketua Patrol:
Azizi Jeffry
Gopi Nambiar
Loh Chee Hong

Ketua Disiplin:
Chin Soon Hin

Lembaga Pengawas ini telah ditubuhkan untuk tujuan membantu dan meringankan tanggungjawab-tanggungjawab para guru sekolah ini dalam menjaga hal-hal disiplin pelajar-pelajar sekolah ini. Di samping itu, pengawas-pengawasnya diharapkan akan dapat menunjukkan suatu teladan yang baik kepada rakan-rakan mereka serta mewujudkan suatu suasana yang sesuai untuk perjalanan proses pembelajaran.

Sepanjang tempoh lembaga ini diletakkan di bawah pucuk pimpinan saudara Chin Yoon Sin, beberapa aktiviti telah dijalankan. Antaranya adalah seperti berikut:-

1) Saudara Chin Yoon Sin telah menyusun semula sistem pentadbiran di dalam Lembaga Pengawas ini supaya lebih ramai pengawas dapat dinilaikan dari segi kebolehan mereka di samping mem-perdalamkan pengalaman mereka.

2) Hari Pengawas juga telah dilaksanakan dengan menjemput beberapa buah Lembaga Pengawas dari sekolah-sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan dan beberapa buah pertubuhan penting dari sekolah kita sendiri untuk mengeratkan lagi hubungan sesama kita.

3) Selain daripada itu, pihak kami juga telah dengan segala hormatnya menyumbangkan sedikit tenaga dalam membantu pihak sekolah untuk menjayakan Hari Guru tahun 1992.

4) Berikutan dengan keputusan pihak sekolah juga, Lembaga Pengawas telah bersetuju untuk bekerjasama dengan guru-guru sekolah ini untuk melahirkan falsafah sekolah kita yang pertama.

5) Perlantikan ahli jawatankuasa lembaga bagi sesi 1992/93 juga telah dilaksanakan di atas ihsan Tuan Pengetua dan guru-guru.


6) Antara lain yang melibatkan Lembaga Pengawas merupakan penganjuran Hari Sukan 1992 dan Hari Larian Merentas Desa 1992.

Akhir kata, saya, selaku wakil Lembaga Pengawas M.B.S.S. Sentul ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Badan Redaksi Majalah, atas peluang yang diberi, dan pihak sekolah kerana telah memberikan sokongan serta tunjuk ajar kepada kami.

Sekian terima kasih.

LEONG WAI FONG
Setiausaha 1992/93

LAPORAN LEMBAGA PUSAT SUMBER



Guru Penasihat:
En. Athithan

Ketua Pustakawan:
Gan Teck Hooi

Pen. Ketua Pustakawan:
Ng Zee Chew

Setiausaha:
Lim Sui Ki

Pen. Setiausaha:
Ahmad Bahar

Bendahari:
Khoo Boon Keat

Pen. Bendahari:
V. Thirumaran

Kuartermaster:
Chin Siong Yiew
Mohd Fazzil

Pegawai Perhubungan Awam:
Mohan Ram Aruna

AJK:
Ng Teck Cheong
Goo Chee Heong
Tan See Jui
Kelvinder Singh

Lembaga Pusat Sumber 91/92 mengambil alih tanggungjawab menguruskan perpustakaan sekolah pada bulan Julai 1991. Pada tahun ini, Lembaga Pusat Sumber mempunyai 73 pustakawan, termasuk ahli jawatankuasa yang disenaraikan.

Aktiviti-aktiviti:


1) Bengkel Pustakawan	14/10/91 – 16/10/91
2) Mengecat/Mengemaskan Perpustakaan	14/12/91
3) Menghadiri seminar anjuran UBS	15/02/92
4) Bengkel Pustakawan	24/02/92
5) "Jumble Sale"	16/05/92 – 21/05/92
6) Majlis Perlantikan	04/07/92

Sebagai pengikat kata, saya bagi pihak Lembaga Pusat Sumber 91/92 ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada guru penasihat En. Athithan atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat serta sumbangannya yang telah dicurahkan sepanjang tahun. Ahli jawatankuasa Lembaga Pusat Sumber juga ingin melahirkan penghargaan mereka kepada pustakawan-pustakawan yang telah menjalankan tugas dengan cemerlang.

Yang menjalankan tugas.

LIM SUI KI
SETIAUSAHA 91/92

LEMBAGA QUARTER MASTER



Guru Penasihat:
En. Kumaresan.

Pengerusi:
Lim Kin Yeap 5A1.

Naib Pengerusi:
Jeganathan 5A1.

Setuausaha:
Sugendran 5PD2.

Bendahari:
Hon Soon Fatt 5A1.

Disiplin:
1) Lawrence Anthony 5A1.
2) Gunalan 5PD2.

Terlebih dahulu Lembaga Kuarter Master ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Penerbit Sentinal, Sek. Men. Laki-laki Methodist Sentul kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sedikit sebanyak aktiviti Lembaga kami.

Satu perjumpaan semua ahli telah diadakan pada 22hb. April 1991. Tujuannya ialah memilih ahli-ahli Jawatankuasa baru. Jumlah keahlian tahun ini ialah seramai 30 orang.

Tujuan penubuhan Lembaga Kuarter Master ini adalah untuk melahirkan sikap berkerjasama antara pelajar-pelajar dan juga sikap bertanggugjawab untuk menjaga harta benda sekolah.

Lembaga Kuarter Master juga telah mengadakan aktiviti-aktiviti pada sepanjang tahun seperti bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah, melabelkan meja dan kerusi, membantu cikgu-cikgu menjayakan sukan sekolah yang diadakan di Stadium Merdeka dan lain-lain lagi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami, En. Kumaresan yang telah banyak memberi sokongan dan tunjukajar kepada kami untuk menjayakan Lembaga Kuarter Master ini.

TERIMA KASIH.

UNIT BIMBINGAN SEKOLAH



Ahli-ahli Jawatankuasa Sessi 1991/92

Pengerusi:
Khoo Wee Ming (4 Aries)

N. Pengerusi:
Ang Zin Kwei (4 Leo)

Setiausaha:
Shekar (4 Aquarius)

Bendahari:
Wan Ahmad Faizal (4 Aries)

Ketua-Ketua Bahagian:
Perkhidmatan Biro Publisiti:
Goo Chee Heong

Perkhidmatan Penyelarasan Resos:
Ng Chee Wei

Perkhidmatan Poster, Buku Skrap & Kuiz:
Tan Chee Seng

Perkhidmatan Maklumat dan Kerjaya:
Loganathan

Perkhidmatan Seni & Penerbitan:
Khoo Wee Ming

Hal Ehwal PRS:
Kelvinder Singh

Pekhidmatan Ceramah & Lawatan:
Mohd. Khairi

Unit Bimbingan Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul (U.B.S. – M.B.S.) telah sentiasa bergerak cergas. Semua program ataupun aktiviti telahpun dilaksanakan dengan cemerlangnya dengan kerjasama daripada ahli-ahli UBS dan guru penasihatnya iaitu Pn. Helena Foo.

Tujuan Unit Bimbingan ini adalah untuk memotivasikan pelajar di dalam pemilihan kerjaya dan juga melaksanakan program-program pendedahan kepada pelajar dari segi pendidikan, kepimpinan dan lain-lain.

Di bawah ini adalah senarai aktiviti-aktiviti bagi tahun ini:

Disember	91' : 0.1	Program adik angkat oleh PRS
Januari	92' : 0.2	Kuiz Teka Guru (Peralihan dan Ting. 1)
	: 0.3	Program Penyedaran AIDS
	: 0.4	Pameran & Ceramah mengenai UTM (Ting. 4 & 5)
Februari	92' : 0.5	Kursus Kepimpinan bagi AJK Persatuan/ Kelab/ Ketua Kelas
March	92' : 0.6	Pameran Pendidikan & Kerjaya di Hotel 'HILTON' (Khas untuk ahli-ahli UBS sahaja)
April	92' : 0.7	Ceramah Kerjaya di dalam bidang insurans di Convent Sentul. seramai 20 orang ahli-ahli UBS dihantar.
Mei	92' : 0.8	4 orang ting. 2 dihantar untuk mewakili sekolah di dalam Kuiz Anti-Dadah peringkat Wilayah
	0.9	Latihan Asas bagi PRS-PRS baru.
July	92' : 1.0	Minggu Bimbingan & Kaunselling. – Ceramah Kerjaya beruniform – Demonstrasi pencegahan kebakaran oleh ahli-ahli Bomba – Pertunjukkan filem mengenai AIDS – Pameran mini/hobi & minat – Pertandingan membuat cenderamata – Penyebaran maklumat mengenai kaunselling – Pertunjukkan pentas – Projek penyedaran alam – Ucapan ketua-ketua persatuan
August	92' : 1.1	Kursus peningkatan PRS berkhemah

Bagi pihak ahli jawatankuasa ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan pengetua, penolong kanan dan guru-guru penasihat terutamanya Pn. Helena Foo atas bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjayakan setiap aktiviti serta kepada ahli-ahli UBS yang begitu gigih menjalankan aktiviti-aktiviti.

Sebagai akhir kata, izinkan saya menyusun sepuluh jari meminta maaf sekiranya terdapat apa-apa kesalahan pada diri saya yang menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
Shekar A/L Marimuthu
(4 Aquarius)

PASUKAN PENGAKAP MALAYSIA



Pemimpin Pengakap:
En. Chew Theam Siew

Pen. Pemimpin:
En. Goh Swee Huat

Guru Penasihat:
En. Mohd Nor Shafie
En. Mustafa

Ketua Kumpulan:
Sdr. Ken Fezolani

Pen. Ketua
Sdr. Mohd Nazri

Setiausaha Kumpulan:
Sdr. Ahmad Hizam

Pen. Setiausaha:
Sdr. Mohd Norhisham

Bendahari Kumpulan:
Sdr. Ahmad Kamarol

Pen. Bendahari:
Sdr. Mohd Faizal

Quatermaster 1:
Sdr. Khairul Irwan

Quatermaster 2:
Sdr. Mior Mohd Faizal

Penghubung Kumpulan:
Sdr. Masmie Herman

AJK:
Sdr. Iznan
Sdr. Wan Mazjohaniz

Kumpulan ini mengadakan mesyuaratnya pada setiap hari sabtu jam 8.30 pagi. Kumpulan ini ditubuhkan untuk mengujudkan satu masyarakat yang berdisiplin dan berdikari dalam kehidupan mereka.


Aktiviti:-

1) Pengambilan Ahli Baru
2) Mengadakan Hari Penyampaian Sijil Dan Penganugerahan Pengakap
3) Bertugas di Taman Dato Senu untuk Sukaneka Mereka
4) Bertugas semasa Sukan Tahunan di Stadium merdeka
5) Bertugas semasa Hari Merentas Desa di sekolah
6) Bertugas semasa Hari Guru di sekolah
7) Mengadakan satu jualan 'Jumble Sale' bersama Persatuan Bahasa Cina dan Pusat Sumber
8) Mengadakan Malam Kebudayaan Pengakap di sekolah

Sebelum saya mengakhiri laporan ini ribuan terima kasih diucapkan kepada pemimpin dan guru penasihat di atas tunjuk ajar yang diberikan bagi memajukan kumpulan ini.

Dilaporkan oleh,
Sdr. Ahmad Hizam
(Setiausaha Kumpulan)

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH



Senarai ahli-ahli jawatan-kuasa bagi tahun 1991/92

Pengerusi:
Shaharin b Shamsudin

Naib Pengerusi:
Tajul Arifin b Sirun

Setiausaha:
Yusri b Abdul Latif

Naib Setiausaha:
Jeffry b Mohd Nor

Bendahari:
Harmaini b Kamarudin

Naib Bendahari:
Thanaraj

Peg. Disiplin:
Mohd Ridhuan b Malek

Pen. Peg. Disiplin:
Zulkifli b Zainal A.

Ketua AJK:
Adnan b Zun

AJK:
Shashi Kumar
Saigul b Abu Bakar
Affandi b Isa
Paramesiva

G. Penasihat:
En Mohd Noh Buhari
Pn Azizah Abdullah

Aktiviti-aktiviti tahunan yang dijalankan:-

01 – Pendaftaran ahli baru
02 – Kursus khemah kerja.
03 – Majlis jalinan mesra.
04 – Perkhemahan
05 – Lawatan muhibbah
06 – Ujian bagi Lans Kopral, Kopral dan lain-lain lagi
07 – Kursus pertolongan cemas
08 – Ujian tahunan
09 – Majlis perpisahan/perletakan jawatan
10 – Perlantikan jawatankuasa baru
11 – Khursus kawad kaki
12 – Pengambilan tenaga pengajar dari Kor-Perubatan Tentera
13 – Menyertai aktiviti anjuran sekolah dan ibu pejabat


Untuk tidak melepaskan peluang keemasan ini, kami ingin meluahkan perasaan terima kasih kami kepada semua ahli-ahli jawatan kuasa yang telah banyak memberikan kerjasama mereka sepenuhnya dan menjalankan tugas mereka secara sukarela bagi menggerakkan dan memajukan persatuan ini ke tahap yang membanggakan, terutama kepada guru penasihat kami yang banyak memberi pedoman dan nasihat beliau bagi setiap kejayaan persatuan ini.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA, SEKOLAH DAN PERSATUAN

"PBSM WP (Y) 21 SENANTIASA BERGERAK MAJU"

Yusri bin Abdul Latif
Setiausaha

LAPORAN KOPERASI SEKOLAH



Pengerusi:
En. A. Atputharaja.

Naib Pengerusi:
Pn. Norsiah Mohd. Yusof

Setiausaha:
Pn. Nur Azlina Abdul Aziz

Naib Setiausaha:
Pn. Zaitun Md. Esa

Bendahari:
Pn. Ong Tan Chon

Naib Bendahari:
Pn. Yee Kok Seng

Pengurus
En. Su Too Foong

Naib Pengerusi:
En. Choo Chee Seng
En. Chan Chee Man

AJK (Tingkatan 5):
Chin Siong Yew, Ahmad Bahar, Rahmatullah

AJK (Tigkatan 4):
Mohd. Khairi, Amad, Paul
Mohd. Zainal, Heng C. Sing

AJK (Tingkatan 3):
Low Teck Keng, Leo Chan Chang
Yap Mun Soon, Andraw Tan

AJK (Tingkatan 2):
Soo Chee Keong
Chong Yeow Leong
Eng Seng Chong
Anthony Thomas
Badul H. Sham
Mohd. Fairuz



Aktiviti:–

1) Wakil mejual insuran AIA
2) Menjual kasut Marco
3) Menjual kad ucapan, poskad dan 'Book Mark'
4) Menjual alatulis
5) Menguruskan penjualan gambar tingkatan dan persatuan untuk sekolah.
6) Menjual beraneka jenis benda seperti tali pinggang, dompet, sikat dan sebagainya.

Saya sebagai setiausaha pihak koperasi sekolah ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli koperasi yang telah bekerjasama dan memberi sokongan dalam memajukan koperasi kita. Harapan semoga Koperasi kita akan terus maju dan berkembang dengan sokongan dari ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

Pn. Nur Azlina.

PERSATUAN BAHASA MALAYSIA



Ahli Jawatankuasa Persatuan Bahasa Malaysia bagi tahun 1991/92

Guru Penasihat:
Pn. Mariatum Khabtiyah

Pengerusi:
Muhamad Jufri

N. Pengerusi:
Muhamad Jeffry

Setiausaha:
Tajul Arifin

N. Setiausaha:
Zulhaizal

Bendahari:
Mahiyuddin

A. Jawatankuasa:
Nazaruddin
Nazri
Ahmad

Tujuan utama Persatuan ini ialah untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam meninggikan mutu sebenarnya Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid sekolah. Di samping itu juga Persatuan Bahasa Malaysia ini juga bertujuan untuk meninggikan lagi mutu penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid sekolah untuk masyarakat, bangsa dan negara.

Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Bahasa Malaysia telah diadakan pada bulan Januari 1992 bertujuan melantik ahli-ahli baru bagi sesi 1991/92.

Sambutan pelajar-palajar terhadap Persatuan ini amat menggalakkan.

Diantara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 1991/92 ialah:-

(a) Pertandingan Dikir Barat
(b) Pertandingan Pantun
(c) Penyertaan hari guru Dikir Barat
(d) Pertandingan Pidato Piala Diraja
(e) Pertandingan Sajak

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada guru penasihat Puan Mariatum Kabitiyah dan Puan Zakiah dan juga ahli-ahli Persatuan yang telah banyak membantu kami dan khidmat nasihat yang diberikan.

Cintailah Bahasa Malaysia

TAJUL ARIFIN
Setiausaha

ENGLISH SOCIETY



The newly elected Committee Board members for 1992

Teacher advisors:
Mrs. Zarrin
MRs. Sasikala

President:
S. Guna (5 PD 2)

Vice President:
Haridas (5 PD 2)

Secretary:
Charles (5 A 2)

V. Secretary:
Vigneswaran (5 A 1)

Treasurer:
Thee Kok Wei (5 PD 1)

Committee Members:
Sivabalan
Murugan
Ganesan
Sugendran
Shekar

The main aim of this society is to create an interest in the usage of English Language among students in the school. To make the above statement a reality, we made it compulsory for all students to converse only in English during our activities.

Our Society consists of 47 members. We carried out the following activities:-

(i) Playing games which are related to the English Language – scrable, – win, lose or draw.

(ii) Spelling Competition.

(iii) Essay Writing.

(iv) Quiz.

(v) Collecting educational articles.

The objectives of these activities are:-

1. To stimulate the students imagination through activities conducted and to communicate the ideas verbally.

2. To encourage every student to participate in the activities.

Lastly, we would like to thank all the members of the English Language Society of MBS Sentul for their cooperation and also our teacher advisors Mrs. Zarrin and Mrs. Sasikala.

President
S.Guna.

PERSATUAN SEJARAH



Ahli Jawatankuasa 91/92

Guru-guru Penasihat:
Puan Wan Bahiah Wan Nik
Puan Rohani Ibrahim

Pengerusi:
Mohd. Shamnazli b.
Mohd. Nadzir

Naib Pengerusi:
Musa bin Salleh

Setiausaha:
Sahrul b. Saharudin

Naib Setiausaha:
Irwan b. Hassan

Bendahari:
Tajul Arifin b. Sirun

Naib Bendahari:
Mohd. Faizal b. Salim

A.J.K.:
Anizam b. Samsudin
Supawi b. Abu
Saifulizam b. Tajudin
Zulkifli b. Ibrahim

Aktiviti-Aktiviti Persatuan:

1. Mengadakan pameran sejarah.
2. Mengadakan kuiz sejarah
3. Mengedarkan nota-nota sejarah kepada Tingkatan 4 & 5
4. Mengemaskinikan dewan sekolah.
5. Menjual kad-kad Hari Raya anjuran Persatuan Sejarah.
6. Menjual makanan ringan pada hari Merentas Desa.

Akhir kata, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang telah memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada kami. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli persatuan dan A.J.K. persatuan yang telah bekerjasama dan menjaga imej persatuan ini.

Semoga persatuan ini akan terus berjaya.

Sekian, Terima kasih.

Sahrul
(Setiausaha)

LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK



Ahli Jawatankuasa

Guru Penasihat:
Puan Low
Puan Norkhidah

Pengerusi:
Lee Keow Sin

Naib Pengerusi:
Teoh Eu Gene

Setiausaha:
Lim Boon Leong

Pen. Setiausaha:
Wan Tien Guan

Bendahari:
Pua Eu Kok

Pen. Bendahari:
Tan Coon Chow

AJK:
Thirumaran
Goo Chee Heong
Murthy

Matlamat:

1) Memupuk minat dan menambah pengetahuan pelajar dalam Sains dan Matematik
2) Menyedarkan pelajar tentang kepentingan Sains dan Matematik serta implikasinya dalam kehidupan.

Aktiviti-aktiviti sepanjang tahun:

1) Pertandingan Kuiz di antara ahli-ahli
2) Jualan lencana persatuan
3) Lawatan sambil belajar ke Universiti Teknologi Malaysia.
4) Pertandingan Matematik Piala Lo-Keng
5) Membuat buku scrap tentang pencemaran udara.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat atas segala bimbingan dan tunjuk ajar. Selain itu, segala sokongan yang diberikan oleh ahli-ahli persatuan adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

LEE KEOW SIN
PENGERUSI

LAPORAN PERSATUAN PERDAGANGAN



Jawatankuasa 1991/1992

Guru Penasihat:
Puan Yee Kok Seong
Puan Zaitun

Pengerusi:
Venugopal (5P2)

Naib Pengerusi:
Tan Sze Wah (4 Leo)

Setiausaha:
Ahmad Bahar (5P2)

Naib Setiausaha:
Faizal Salim (4 Leo)

Bendahari:
Thee Kok Wai (5P1)

Naib Bendahari:
Iznan (4 Libra)

Ahli Jawatankuasa:
Sea Wei Kean (5P1)
Gunasekaran (5P2)
Sharin (5A1)
Lee Kiew Sin(5SC1)
Raymont Foo (3P1)

ANTARA AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN DAN AKAN DIJALANKAN IALAH:

1. Melawat Bank Bank Perdagangan
2. Melawat Pelabuhan Kelang
3. Mengadakan Pertandingan Kuiz
4. Pertandingan Mencipta Logo Persatuan
5. Menjual Lencana

Saya bagi pihak persatuan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru penasihat terutamanya Puan Yee yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga dalam menjayakan semua aktivit persatuan juga kepada semua ahli yang turut serta. Semoga persatuan ini akan terus aktif di masa akan datang.

Sekian terima kasih.

Ahmad Bahar
(Setiausaha)

LAPORAN PERSATUAN GEOGRAFI 92



Ahli Jawatankuasa bagi sesi pagi 1991/92

Guru Penasihat:
Puan Amarjit Kaur
Puan Mahnita

Pengerusi:
Vignesvaran (5 sastera 1)

N. Pengerusi:
Gunasekaran (5 perdagangan 2)

Setiausaha:
Mahyudin (5 sastera 1)

N. Setiausaha
Vasanthan (5 perdagangan 2)

Bendahari:
Charles Anthony (5 sastera 2)

N. Bendahari:
Sri Ram (5 sastera 1)

AJK Tingkatan 5
Sharin
Suresh
Siva Balan

AJK Tingkatan 4:
Kavithan
Manjit Singh

Penekanan utama yang diberi perhatian dalam persatuan ini ialah untuk meningkatkan tahap kegiatan-kegiatan yang dilakukan pada tahun ini. Adalah difahamkan bahawa persatuan ini berjalan dengan agak sederhana sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Antara aktivit-aktiviti yang dijalankan:

1. Menyertai kursus kepimpinan Ahli Jawatankuasa dan persatuan.
2. Menghiasi papan-papan kenyataan dengan berita-berita Geografi.
3. Berbincang untuk mengadakan lawatan ke Taman Pertanian Malaysia di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
4. Mengadakan pertandingan kuiz Geografi kepada pelajar-pelajar MBS sentul sessi pagi sahaja.
5. Mengadakan pertandingan mencipta logo Persatuan Geografi.

Sebelum mengakhiri laporan ini, saya bagi pihak ahli jawatankuasa Persatuan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Penasihat, Puan Amarjit Kaur di atas dorongan dan nasihatnya untuk terus berjaya sebagai Persatuan yang AKTIF dan DINAMIK.

Sekian sahaja laporan daripada saya dan Ahli Jawatankuasa yang lain.

Terima Kasih.

Disediakan oleh
Setiausaha

LAPORAN KELAB KEBUDAYAAN



Guru Penasihat:
Hjh Siti Aishah
Mohd Ghazi

Pengerusi:
Mohd. Nazaruddin (5 Sastera1)

N. Pengerusi:
Saiful Lizan (4 Libra)

Setiausaha:
Kamarulzaman (5 Pdgn 2)

Bendahari:
Mohd. Fazzill (5 Pdgn 1)

N. Bendahari:
Brian Alberto (4 Scorpio)

AJK Ting. 5
Ching Yeow Fei (5 Sains 1)

AJK Ting. 4
Mohd. Izham (4 Leo)

AJK Ting. 3
Faizul (3 Pdgn 3)

Pembantu Peralatan:
Mohd. Nazim (5 Pdgn 1)
Low Kay Yong (5 Sains 1)
Mohd. Yusnoor (4 Leo)

Salam sejahtera, dari Kelab Kebudayaan ini yang dahulunya lebih dikenali sebagai Kelab Drama. Setelah Kelab Drama bertambah maju pada tahun lepas, berkembang dengan berbagai kebudayaan, maka pada tahun ini Kelab Drama telah ditukarkan namanya menjadi "Kelab Kebudayaan". Pada tahun ini Kelab Kebudayaan telah menjalankan beberapa aktiviti dan berbagai kegiatan seni di dalam beberapa persembahan.

Diantaranya ialah:-

1. Telah mengadakan Mesyuarat Agung Sessi 1991/92
2. Menyertai Krusus Kepimpinan, anjuran Unit Bimbingan Sekolah.
3. Menyumbangkan beberapa persembahan sempena Hari Pengawas- diantaranya ialah 'Paperdoll' dan pertunjukkan Fesyen.
4. Menyertai pesta pantun.
5. Membantu pertunjukan di Hari Guru - Tarian (gabungan tarian seperti Kadazan, Melayu, Cina dan India).
6. Hari Ucapan.

Akhir kata daripada kami, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam membuat kepada kejayaan Kelab Kebudayaan. Kami juga berharap agar dapat mengembangkan dan memajukan Kelab Kebudayaan ini supaya ia lebih aktif lagi.

Kamarulzaman
Setiausaha.

PERSATUAN BAHASA CINA



Ahli Jawatankuasa 92/93

Guru Penasihat:
Pn. Lai Seow Lin
Pn. Khoo Liang Pin

Pengerusi:
Lim Yong Chuan

Naib Pengerusi:
Law Tin Erh

Ketua Gerakerja:
On Hai Chuan

P. Ketua Gerakerja:
Tan Poo Huat
Wong Chee Chung

Setiausaha:
Loo Kok Weng

P. Setiausaha:
Lim Tji Seng

Bendahari:
Ang Ban Giap

P. Bendahari:
Yap Boon Kean

Juruaudit:
Chan Shueng Liang

Ketua Harta Benda:
Ho Wai Hoe

Ketua Bilik Baca:
Teh Yen How

P. Ketua Bilik Baca:
Ong Chen Guan

Ahli Jawatankuasa:
Ho Kam Fat
Kat How He
Yap Mun Soon
Lee Kok Leong
Leo Chien Chiang
Lim Kein Seng,
Low Teck Keong
Tan Kee Keat

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan

1. Menjual kad-kad Tahun Baru Cina
2. Menganjurkan pertandingan perbahasan bahasa Cina di antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya yang ke - 18
3. Menjual minuman pada hari Larian Merentas Desa
4. Mengadakan "Jumble Sale" dengan gabungan 3 persatuan
5. Mengadakan pertandingan catur di antara ahli-ahli.
6. Menyertai kuiz kesusasteraan Tiong Hwa gabungan 4 sekolah
7. Menyertai satu Telematch dengan Sekolah Menengah Cheras
8. Merayakan Majlis ulangtahun yang ke- 8

Aktiviti -aktiviti yang akan dijalankan:

1. Menganjurkan pertandingan tulisan kaligrafi di antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Selangor yang ke-5
2. Mengadakan pertandingan perbahasan di antara ahli-ahli
3. Mengadakan pertandingan kuiz di antara ahli-ahli
4. Menerbitkan Majalah persatuan "Heng Yuen" yang ke - 7

Kami mengambil kesemptan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat dan pihak sekolah yang telah memberi bimbingan dan sokongan kepada kami.

Setiausaha
Loo Kok Weng.

PERSATUAN BADAN ISLAM (PERBADIS 1992)



Ahli Jawatankuasa Lantikan Pada Tahun 1992

Guru Penasihat
Ustaz Mohd Arif,
Ustazah Kalsom
Ustazah Salwani

Pengerusi:
Mat Rizuan bin Mat Wazir

N. Pengurusi:
Muhammad Badri bin Mukhtar

Setiausaha:
Mohd Fazzil N

N. Setiausaha:
Sharuddin bin Shabuddin

Bendahari:
Zulkifli bin Ibrahim

N. Bendahari:
Zuhaizal bin Zulkifli

AJK Khas:
Ahmad Bahar, Wan Ahmad Bakhtiar, Mohd Rafizal , Yusri

Assalammualaikum W.B.K.T.

Alhamdullilah pada tahun ini PERBADIS telah dapat mengadakan beberapa aktiviti-aktiviti untuk pelajar pelajar Islam di-sekolah ini.

Antara aktiviti yang dijalankan.

Menghantar wakil untuk pertandingan syarahan dan membaca Al Quran.

Sambutan Awal Ramadhan

Menghantar wakil untuk mengahadiri simposium

Gerakan pelajar dan alam sekitar diabad ke-21.

Berniaga semasa hari merentas desa

Maal – Hijrah

Maulud Rasul


Qiamullail

Akhir kata saya ingin mengucapkan kepada guru penasihat dan pelajar pelajar yang memberi sokongan kepada PERBADIS dan di-harap pada tahun yang berikutnya PERBADIS akan lebih berjaya.

WASSALAMUALAIKUM W.B.T.R.

Setiausaha
Mohd Fazzil N

PERSATUAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN TAMIL
OM NAMASHIVAYA



Guru Penasihat:
En. Velurajan

Presiden:
M. Gopi Nambiar

Naib President:
M. Shekar

Setiausaha:
Gunapregash

Naib Setiausaha:
Saminathan

Bendahari:
Paranthaman

Naib Bendahari:
Mugilan

A.J.K Tingkatan 3:
Vicky, Rajini, Shashikumar
Vijayakumar

A.J.K. Tingkat 4
Suppiah, Sisubalan
Ganeshmoorthy, Prakash

A.J.K. Tingkatan 5
Venugopal, Sivanathan,
Moorthy, Suresh,
Lawrence, Parthiban,
Jegan.

AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN:

1. Menyediakan pertandingan menyanyi lagu pada bulan Januari
2. Menjual minuman pada 'Hari Merentas Desa'.
3. Menjalankan pertandingan Bolasepak bawah 18 tahun
4. Malam Kebudayaan.

Saya, yang mewakili kelab ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Velurajan di atas sumbangan dan sokongannya untuk kelab ini.

Sekian. Terima kasih.

Yang menjalankan tugas.

GUNAPREGASH
SETIAUSAHA PERSATUAN BAHSA
DAN KEBUDAYAAN TAMIL

CHRISTIAN FELLOWSHIP



Teacher Advisor:
Miss. Mary Raj

President
Anthony Lim (4 Aires)

Treasurer:
Khoo Wee Ming (4 Aries)

Publicity Secretary:
Tan Coon Chow (4 Aquaries)

Prayer Secretary:
Alvin Low (4 Aquaries)

Literature Secretary:
Brian Alberto (4 Scorpio)

A. J. K:
Ong Cheng Guan (3 PD 1)
Andrew Tan (3 PD 1)
Ang Ban Gkuan (2 K 2)
Choo Kok Fai (2 K 1)
Jerry Chow (1 R 4)

Ever since the Christian Fellowship was started the aim of this blessed society has been to know Christ and make Him known".

Presently, our Christian Fellowship comprises of about 60 members, both from the morning and afternoon sesions. During this year, we have carried out certain projects and activities, such as:–

1) Evangelistic Christmas meeting.
2) Theme for 1992 is **"SEND ME LORD".**
3) Easter Day Special Meeting, - several schools were invited.
4) Invitation of Speakers.
5) Interschool Meeting ' S. M. (P) St Mary adn S. M. (L) Bukit Bintang.
6) Monthly Newsletter.
7) Teachers' Day - Presented wishing cards to all the teachers in this school.
8) Bible Study.
9) Attend Network Meeting/S.U. Meeting.
10) Participated in Treasure Hunt organized by S. U.
11) Jumble Sale and also sale of book marks, post cards, T. shirt. etc.
12) Fellowship with members every Friday and also Prayer Meeting on every Tuesday.
13) Leadership training for the committe which will be given by Miss GOH.
14) Telematch.

Truly, throughout the year, the Christian Fellowship has grown and we are indeed thankful to our teacher advisor, Ms. Mary Raj for her support, guidance and encouragement. We also thank EHC [Every Home For Christ] for supporting the Christian Fellowship in form of reading materials. Last, but not least, we thank the Principal and all members for your prayers and by faith, many students will come to know **GOD.** Amen!

Yours in Christ,

(Yong Kok Wai)
Secretary

I can do all things through Christ which strengtheneth me (Philippians 4:13)

THE EVANGELISTIC CHRISTMAS MEETING



THEME SONG FOR 1992

HERE AM I SEND ME

Cought up in Your presence
Cleansed by Your forgivences
Captured by the love You give to me
But above the praise I hear Your
voice so clear
"Who sill I send? Who Will go for me?"

Here am I, send me.
I'm available
To serve You's my desire
If Your presence Lord does not go
with me
How will they know that Your
favour rests on me
But I've tasted of Your glory
Please send me.

Coming to Your presence
Demands some sacrifice
The fruit of our lips giving praise
But Your spirit makes it clear
You ask much more from me
Cause this whole world is Your
Sanctuary.

SIKH SOCIETY



Teacher cum Advisor:
Mr. Ragbir Singh
Mrs. Amarjit Kaur

President:
Amrit Singh

Vice President:
Karamjit Singh

Secretary:
Kelvinder Singh

Treasurer:
Manjit Singh

Committee:
Swaran Singh, Amerjit Singh
Ravinder Singh

This society was formed to bring all Sikh students together to form a Sikh Society. Our society has 16 members both from the morning and afternoon session.

Throughout this year many activities were held such as,

1: Lunch for our new members.

2: Inter school meetings. (Every Friday)

3: Essay writting competion. (History of the religion)

4: Combined school meetings with S.M. (P) Jalan Ipoh and Maxwell secondary school.

5: S. R. P and S. P. M prayers.

We sincerely convey our thank to our teacher advisor Mr. Ragbir Singh and Mrs. Amarjit Kaur for their support and encouragement. Last but not least we would like to thank the principal for keeping this society alive.

"Vaheguru Ji Ka Kalsa, Vaheguru Ji Ki Fateh"

Reporting,
Kelvinder Singh,
Secretary.
Setiausaha Kelab

PERSATUAN AGAMA BUDDHA



Sek. Men. (L) Methodist Sentul

Guru Penasihat:
Puan Hwang Boon Yong

Pengerusi:
Chin Shuenn Liang

Naib Pengerusi:
Lim Tji Seng

Setiausaha:
Tan Poo Huat

Pen. Setiausaha:
Khoo Kim Hun

Bendahari:
Low Teck Keong

Pen. Bendahari:
Wong Chee Chung

Ketua Gerakerja:
Yap Boon Kean

Pen. Ketua Gerakerja:
Lee Kok Leong, Kat How Ee

Juruaudit:
On Hai Chuan

Ahli Jawatan Kuasa:
Cheah Kee Choong
Chan Choong Keng
Yap Soon Ting
Tham Weng Yew

Satu mesyuarat agung telah diadakan pada 10.1.1992. Dalam perjumpaan tersebut, ahli-ahli jawatankuasa baru telah dilantik dan mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 2, 3 dan 4 seperti yang ditera di atas. Persatuan ini dianggotai oleh seramai 65 orang ahli yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan peralihan hingga ke tingkatan lima.

Dalam mesyuarat tersebut, beberapa aktiviti juga telah dirancang dan akan dijalankan sepanjang tahun 1992/93. Diantara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:-

1) Ceramah Dhammar
2) Nyanyian lagu ajaran Buddha
3) Pertandingan sukaneka
4) Lawatan ke tokong Cina dan rumah kebajikan
5) Pertandingan mereka logo persatuan dan poster (Buddha)

Saya selaku setiausaha bagi persatuan ini ingin mengambil kesempatan mewakili ahli-ahli yang lain untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami, iaitu Puan Hwang yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan serta tunjuk ajar kepada kami. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua ahli Jawatan-kuasa dan ahli persatuan yang telah berkerjasama bagi menjayakan kegiatan persatuan. Semoga semangat berkerjasama dan cita-cita untuk memajukan persatuan ini akan berterusan sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha,
Tan Poo Huat

LAPORAN KELAB INTERACT



Ahli Jawatankuasa

Guru Penasihat:
Puan Sasikala, Puan Zarrin

Presiden:
Chua Kok Sing

N. Presiden:
Lim Boon Leong

Setiausaha:
Saravana Kumar

Pen. Setiausaha:
M. Shekkar

Bendahari:
Stanley Tan

Pen. Bendahari:
Lim Chung Shing

Disiplin:
Chin Soon Hin

Pen. Disiplin:
Yu Tien Kee

Pengarah-Pengarah Persefahaman Antarabangsa:
Lim Kean Kok, Ng Chin Tiong

Perkhidmatan Kelab:
Ng Zee Chew, Chin Siong Yiew

Kebajikan:
Khoo Tuan Yung,
Tan Chee Khoon

Kewangan:
Lim Sui Ki, Lim Choon Mun

Notis:
Mohan Ram

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

PENGARAH PERSEFAHAMAN ANTARABANGSA:

1. Hari Persefahaman Antarabangsa dan pameran 'AIDS', 'Penganiayaan Kanak-Kanak' dan ' Alam Persekitaran' pada 21hb Mac.
2. Penghasilan dan pengedaran kemeja T kelab.

PENGARAH KEBAJIKAN KELAB

1. Mengecat bangunan bahagian pejabat dan makmal pada awal tahun.
2. Pengindahan Taman Interact dengan menanam semula pokok pokok bunga.
3. Pengumpulan tin-tin aluminium sempena menyambut hari alam persekitaran dan kemudian menjualkannya.

PENGARAH NOTIS KELAB

1. Pertandingan melukis poster di mana seorang ahli Ng We Ann memperolehi tempat kedua.
2. Mengecat papan kenyataan Kelab Interact.

PENGARAH KEWANGAN & SERVIS KELAB

1. Mengadakan Hari Mencuci Kereta Guru Guru' untuk mengisi tabung kelab.
2. Menjual lencana kelab kepada ahli ahli.
3. Menjual burger pada hari sukan sekolah.

Akhir kata, saya sebagai wakil kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang berdedikasi dalam menjalankan tugas mereka di samping menghadiri dan menjayakan projek projek tersebut. Tidak dilupakan juga ahli-ahli kelab yang telah bertungkus lumus menjalankan projek-projek tersebut, Kelab Rotary yang telah memberikan sokongan mereka terhadap kami untuk terus maju. Semoga kelab ini terus berkembang maju bagi tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

SARAVANA KUMAR
Setiausaha

LAPORAN KELAB KOMPUTER



Senarai nama Ahli Jawatankuasa Kelab 91/92

Guru Penasihat:
En. Rama Rao

Pengerusi:
Lim Chee Kiong

Naib Pengerusi:
Mugilan,
Goo Chee Heong

Setiausaha:
Ng Zee Chew

Naib Setiausaha:
Looi Hong Leong
Andrew Tan

Bendahari:
Stanley Tan

Naib Bendahari:
Amrit Singh
Tan Choon Keat

Service Director:
Mohan Ram
Hang Chen Sing

Hardware Consultant:
Khoo Wee Ming
Ong Chen Guan

Software Consultant:
Lee Chee Keng
Suhaimi

P.R.O.:
Beh Bung Hong

Aktiviti-aktiviti yang sedang dirancang/dijalankan oleh Kelab ini:

i) Mengemaskinikan bilik komputer untuk menjamin suasana pembelajaran yang baik.

ii) Pertunjukkan tayangan video pada setiap hari Jumaat.

iii) Menjual lencana Kelab Komputer untuk ahli-ahli.

iv) Mengadakan pertandingan permainan 'Wheel of Fortune' dengan sambutan daripada Persatuan Bahasa Inggeris.

v) Mengadakan pertandingan Basic dan Wordstar.

vi) Pemberian sijil penghargaan kepada AJK-AJK.

Bagi mengakhiri laporan ini, saya mewakili seluruh ahli jawatankuasa kelab komputer ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas dorongan, sokongan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh guru penasihat kelab ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama ahli-ahli jawatankuasa bagi menjayakan kelab pada sepanjang tahun ini.

LOOI HONG LEONG

Setiausaha Kelab

KELAB SENI LUKIS



Guru Penasihat:
En. Yam Fook Poh
En. Zainuddin

Pengerusi:
Chan Chien Siang

Pen. Pengerusi:
Chin Yoon Sin

Setiausaha:
Tan Tien Wei

Pen. Setiausaha:
Chin Soon Hin

Bendahari:
Lam Wai Khuen

Pen. Bendahari:
Loh Chee Hoong

Sebagaimana yang kita sedia maklum, penubuhan kelab kami adalah bertujuan untuk memupuk para pelajar berminat dalam bidang seni lukis.

Antara aktivit-aktiviti pada tahun ini:-

1. Mesyuarat Agung 1992.
2. Lawatan sambil belajar ke pameran lukisan.
3. Peraduan melukis poster.
4. Perlantikan AJK baru.

Akhir kata, saya bagi kelab seni lukis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat En. Yam dan En. Zainuddin yang telah memberi nasihat serta dorongan untuk mempertingkatkan nama kelab kami. Semoga kelab kami akan mengharumkan nama sekolah ini.

Chan Chien Siang
(Pengerusi)

KELAB PENCINTA ALAM



Ahli-ahli Jawatankuasa Sessi 1992

Guru Penasihat:
En. S. Athitan,
En. Lim Ther Peng.

Presiden:
Saiful Rizal bin Lamit.

Naib Presiden:
Saiful Rizam. bin Zainal

Setiausaha:
Muhd. Badri

Naib Setiausaha:
Mohd. Izham

Bendahari:
Hari a/l Krishnan.

Naib Bendahari:
Loganathan

A.J.K:
Ahmad Bahar,
Muhammad, Rafizal
Jazmizan, Haimahnizam
Thirumaran

Kelab ini baharu sahaja ditubuhkan iaitu pada 8 Januari 1992. Kementerian Pendidikan telah mewujudkan persatuan ini di setiap sekolah adalah semata-mata untuk menanam sifat cintakan alam semulajadi di kalangan pelajar memandangkan sekarang, alam sekitar sudah tidak dihiraukan lagi oleh masyarakat kita.

Aktiviti-Aktiviti:

Bulan	Aktiviti Yng Dijalankan
1/92	- Pengambilan ahli dan penyusunan pentadbiran.
2/92	- Mengadakan pertandingan mencipta logo kelab.
3/92	- Membuat taman.
4/92	- Memperkenalkan T-shirt kelab kepada pelajar sekolah.
5/92	- Membuat kutipan suratkhabar terpakai untuk dijual.
6/92	- Menganjurkan pertandingan kuiz mengenai alam sekitar.
7/92	- Menanam pokok dalam pasu untuk mengindahkan lagi sekolah.
8/92	- Penyerahan tugas kepada AJK sessi akan datang.

Pihak kelab ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah dan juga guru-guru penasihat atas sokongan yang diberi baik dari segi idea atau nasihat mahupun dari segi ekonomi. Jasa baik merekalah yang membolehkan Kelab Pencinta Alam berdiri kukuh di sekolah ini.

Semoga kelab ini akan terus maju dan kukuh di masa-masa yang akan datang. Diharap juga dengan adanya kelab ini, pelajar-pelajar MBS akan dapat menghayati serta insaf akan kepentingan alam sekitar.

"HIJAUKAN BUMI"

Disediakan oleh,

Muhammad Badri
Setiausaha

KELAB SETEM



Ahli Jawatankuasa 1991/92:

Guru Penasihat:
Puan Mariah bt. Jamil
Puan Nur Azlina bt. Abdul Aziz

Pengerusi:
Khoo Tuan Yung (5 Sains 2)

N. Pengerusi:
Saiful Rizam (4 Aries)

Setiausaha:
Lee Chee H'ung (5 Pdgn. 1)

N. Setiausaha:
Ang Zin Kwei (4 Leo)

Bendahari:
Amilluddin Bin Alui (5 Sastera 2)

N. Bendahari:
Yew Chee Kuan (4 Leo)


A. J.K:
Ng Teck Cheong (5 Pdgn. 1)
Seah Wei Khean (5 Pdgn. 1)
Lau Soo Chee (5 Sains 2)
Lim Chung Shing (4 Aquarius)
Tan Poo Huat (3 Pdgn. 2)
Yap Boon Khean (3 Pdgn. 3)

Kelab ini baru ditubuhkan tahun ini. Ia bertujuan untuk menarik minat pelajar-pelajar dalam pengumpulan setem. Disebabkan kurang kerjasama dari ahli-ahli serta ahli jawatankuasa, kelab ini tidak dapat di jalankan dengan lancarnya.

Akhir sekali, ahli-ahli kelab setem mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru penasihat terhadap kerjasama mereka. Kami juga berharap kelab ini akan berkembang pada masa yang akan datang.

Lee Chee H'ung
(Setiausaha)

LAPORAN RUMAH HIJAU



Guru Penasihat iaitu:
Pn. Sasikala K. M. Nair (Ketua)

Ketua:
Parthiban

Pen. Ketua:
Tarmizi

Setiausaha:
Cheah Kee Tian

Pen. Setiausaha:
Law Ti Erh

Bendahari:
Khoo Boon Kear

AJK Permainan Hoki:
Venugopal

B. Tampar
Lim Sui Ki

Ping-pong
Wan Tien Guan

Badminton:
Elengeswaran

S. Takraw:
Borhan

Olahraga:
Chin Siong Yiew

B. Sepak
Zulkeflee

Catur
Mohan

Pada tahun ini rumah Hijau telah menunjukkan prestasi yang baik dan banyak kemajuan dari segi kuantiti serta kualiti.

Pada tahun ini rumah Hijau telah menjadi johan kepada ketiga-tiga kelas dalam pertandingan sukan.

Bagi pertandingan lari berganti-ganti lebuhraya keputusan adalah seperti berikut: Kelas 1 (Johan), Kelas 2(Johan), Kelas 3 (Johan)

Pada tahun ini 3 peserta daripada rumah Hijau telah terpilih sebagai olahragawan iaitu;

Kelas 1	;	Chin Siong Yiew
Kelas 2	:	Selvakumaran
Kelas 3	:	Poobalan

Kepada keputusan keseluruhan rumah Hijau telah wujud sebagai johan pada tahun ini.

Yang menjalankan tugas,
Cheah Kee Tian
(Setiausaha)

LAPORAN RUMAH UNGU



AJK bgi tahun 1992

Guru-guru Penasihat:
Sessi Pagi
En. Lim Ther Peng (Ketua)
Pn. Rosnee bt. Che Hashim
Pn. Teoh Kwan Swee
En. Athitan
En. Zainudin bin Amran
Pn. Yee Kok Seong

Sessi Petang
En. Douglas Ratnapala
En. Mashar hamdan
Pn. Nooraini Abd. Hamid
En. Chandra Daniel Sinniah
Pn. Zaitun Md. Isa
Pn. Rahmah Othman

Ketua Rumah:
Haimahnizam

Pen. Ketua:
Anand

Setiausaha:
Mohd. Shamnazli

Bendahari:
Chan Chian Siang

Pen. Bendahari:
Leong Wai Fong


Seperti tahun-tahun lepas pencapaian keseluruhan bagi rumah Ungu pada tahun ini kurang memuaskan. Walaupun kami telah gagal untuk mendapat tempat yang baik dalam sukan Tahunan Sekolah, namun kami merasa bangga kerana telah berusaha bersunggu-sungguh dan kami telah berjaya mendapat beberapa pingat walaupun kekurangan jaguh dalam acara trek dan bolatampar. Dalam acara rentas desa, rumah ungu mendapat tempat ketiga.

Akhirnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas dorongan guru-guru penasihat dan kerjasama dari ahli-ahli rumah Ungu.

"MAJULAH SUKAN UNTUK SEKOLAH"

Mohd Shamnazli
(Setiausaha).

RUMAH MERAH



AJK sesi 92

Guru-guru Penasihat:
Sesi Pagi
Pn. Nor Azlina, En. Mohd Ghazi
Pn. Rohani, Cik.Mary Raj,
En. Mohd Fadzil

Sesi Petang
Pn. Halima Majid, En. Ragbir Singh
Pn. Raudzah, Cik. Ramaperbah
En. Wan Abdul Manan

N. Pengerusi:
Mohd. Adam

Setiausaha:
B. Parenthamen

N. Setiausaha:

Bendahari:
Francis Lee

P. Bendahari:
Chuen Shueg Liang

Ketua Rumah:
Suresh K.

AJK Permainan
Olahraga:
B. Baskaran

Bola Tampar:
Loh Chee Hong

Ping Pong:
Yap Siang Liang

Catur:
Lee Hong Loong

Bolasepak:
Rudi Salleh

Sepak Takraw:
Sharon

Hoki:
Roger

Badminton:
T. Sri Ram

Dalam Temasya Sukan Tahunan, Rumah Merah hanya mampu menduduki tempat yang ke-4. Manakala kami telah menjuarai acara kawad 1992 di Temasya Sukan Tahunan ini.


Dalam acara merentas desa pula kami telah berjaya menjadi naib juara. Pasukan kami telah membolot kejuaraan dalam acara kelas 1.

Bagi pihak Rumah Merah, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru penasihat kami yang bertungkus-lumus dan berkerja keras dalam usaha membimbing kami ke ambang kejayaan. Kami amat menghargai kerjasama daripada mereka. Kepada ahli-ahli Rumah Merah teruskan semangat ingin menang serta memperbaiki prestasi Rumah Merah untuk masa yang akan datang !

MAJULAH SUKAN UNTUK SEKOLAH DAN NEGARA

B. Parenthamen
Setiausaha

LAPORAN RUMAH BIRU



AJK Tahun 91/92

Guru Penasihat:
Sessi Pagi
En. Su Tee Feng (Ketua)
Pn. Helena Foo (Pen. Ketua)
Pn. Hjh Siti Aishah a. Kadir
Pn. Norkhidah Abdullah
En. Mohd. Arif Mohd. Ali

Sessi Petang
En. Kwek Yan Chee (Ketua)
Pn. Hwang Boon Yong
(Pen. Ketua)
Ustazah Kalsom Abdullah
En. Abdul Wahid Abdullah
En. Mustaffa Mohd. Othman
Pn. Maziah

Ketua Rumah:
Oh Keat Gee (5 Sains 1)

Pen. Ketua:
Hazarudin (5 Sastera 2)

Setiausaha:
Lam Wai Khuen (5 Sains 1)
Pend. Setiausaha:
Ng Chin Teong (4 Leo)

Bendahari:
Mohd. Nazaruddin (5 Sastera 1)

AJK Permainan:
Olahraga: Murthy

Bola Sepak:
Mohd. Badri

Sepak Takraw:
Wan Ahmad

Badminton:
On Hai Chuan

Bola Tampar:
Ng Wee Soon

Renang:
Khoo Tuan Yong

Dalam Temasya Sukan Tahunan dan Acara Merentas Desa, pencapaian keseluruhan bagi Rumah Biru pada tahun ini tidaklah begitu memuaskan.

Walaupun kami gagal untuk menyaingi rumah-rumah sukan yang lain, tetapi peserta-peserta Rumah Biru telah menunjukkan semangat kesukanan yagn baik. Walaupun demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada guru-guru penasihat yang mengorbankan masa dan tenaga serta memberi tunjuk ajar, demi mempertingkatkan mutu sukan sekolah.

Akhir kata daripada saya. "TINGKATKAN MUTU KEHEBATAN RUMAH BIRRU".

Mohd. Nazaruddin (M) 2.
Bendahari

RUMAH KUNING



Guru-Guru Penasihat:
Sessi Pagi
Pn. Zakiah Daud (Ketua)
En. Rama Rao, Cik Nor Hadijah
Pn. Zarrin Abdullah.
Pn. Lau Chong Kong
Pn. Lai Seow Lin., Pn. Mariatum.

Senarai AJK 1991/1992:
Ketua Rumah:
Ganeson Morthy. 4 Scorpio.

Pen. Ketua:
Chin Soon Hin 5Sc1.

Setiausaha:
Stanley Tan 5Sc2.

Pen. Setiausaha:
Sivanathan. H. 5A1.

Bendahari:
Shariel 5A1.

Ahli Jawatankuasa Permainan Olahraga:
Ganeson Morthy 4 Scorpio.

Hoki:
Amrit Singh 4 Aries.

Bola Sepak:
Gunalan 5Pd 2.

Bola Tampar:
Ng Chee Wei 4 Aquarius.

Catur:
Looi Hang Leong 4 Aquarius.

Tennis:
Mazrul 5A2.

Sepak Takraw:
Fazil Harun 5pd 1.

Kawad:
Shariel 5A1.

Badminton:
Sunder 3Pd 1.

ACARA MERENTAS DESA.

Rumah Kuning telah mendapat tempat ketiga. Peserta-peserta Rumah Kuning telah berusaha sedaya upayanya dalam pertandingan Merentas Desa yang diperkenalkan di sekolah ini dan telah berjaya mendapat beberapa pingat dalam pertandingan tersebut dan juga seorang peserta Rumah Kuning dari kelas satu telah memenangi acara ini dengan menduduki tempat kedua.

TEMASYA SUKAN TAHUNAN.

Pada tahun ini Rumah Kuning hanya mampu menduduki tempat yang ketiga di belakang Rumah Merah. Walaubagaimanapun Rumah Kuning menjuarai Kelas 3.

Akhir kata, "MAJULAH SUKAN UNTUK RUMAH KUNING DAN UNTUK NEGARA".

R. Ganeson Morthy.
(Ketua Rumah)

SILAT GAYONG



Guru Penasihat:
Ustaz Ariff

Pengerusi:
Mohd Shakief bin zainuddin

N. Pengerusi:
Mohd Aizam

Setiausaha:
Muhd Badri bin Mukhtar

N. Setiausaha:
Khairul Izzat

Bendahari:
Mat Ridzuan

N. Bendahari
Shahrudin

Ajk:
Mohd Abdul Hafiz
Modh Idris
Shurul

Jurulatih:
Encik Mohd Tahir bin Saidon
(Khalifah Muda Majlis Beradat
N. Selangor)

Penolong:
Mohd Saiful Anuar bin
Hj. Mokhtar

Assalamualaiku wbr

Pertubuhan Silat Seni Gayong (Malaysia) ditubuhkan di sekolah ini adalah untuk menanam sifat kepahlawanan dan ketahanan diri di kalangan murid-murid. Persatuan kami telah berjaya menggondol 3 pingat emas dan 2 pingat perak di kejohanan silat olahraga peringkat Wilayah Persekutuan di Sekolah Menengah Aminuddin Baki.

Aktiviti-Aktiviti:–

Bulan	Jenis Aktiviti
1/92	- Pengambilan ahli baru dan penyusunan pentadbiran.
2/92	- Pemilihan skuad silat dan latihan bermula.
3/92	- Berniaga pada hari merentas desa.
4/92	- Pemilihan silat remaja untuk negeri Selangor dan Kuala Lumpur.
5/92	- Demonstrasi di Persembahan Perdana di Taman Ehsan.
6/92	- Latihan untuk pertandingan MSSWP bermula.
7/92	- Pertandingan silat (seni tari) peringkat Wilayah Persekutuan.
7/92	- Pertandingan silat olahraga MSSWP.
8/92	- Penghantaran ahli untuk mandi adat.
9/92	- Ujian bengkung putih dan hijau.

Pihak Pertubuhan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah, guru penasihat, ibubapa serta jurulatih. Dengan adanya sokongan dari semua pihak, Pertubuhan ini dapat dijaga dengan baik

Semoga pertubuhan ini akan maju lebih lagi pada masa-masa yang akan datang. Hidupkan warisan seni peninggalan yang amat berharga ini dan marilah kita memperkenalkannya ke seluruh pelosok dunia. Insyaallah Malaysia akan menjulang nama di dunia persilatan dan negara tidak akan ketandusan pesilat serta warisan seni ini.

"HIDUP SILAT" "HIDUP GAYONG" "HIDUP MALAYSIA"

Wassalam.

Muhammad Badri
Setiausaha

KELAB TAEKWAN - DO



Guru Penasihat:
En. Su Too Fong

Jurulatih:
En. Ben Wong

Pengerusi:
Tan Chee Khoon

Setiausaha:
Chua Kok Sing

Bendahari:
Lim Kean Kok

AJK-AJK:
Chin Soon Hin, Francis Lee
Stanley Tan, Chan Chien Siang
Lim Boon Leong

Kelab Teekwan-Do ditubuhkan untuk memupuk semangat kesukanan di kalangan pelajar. Selain itu, Taekwan-Do juga merupakan satu seni mempertahankan diri, untuk mewujudkan kesabaran dan ketabahan seseorang. Taekwan-Do yang dianggap penting untuk negara kita dalam arena sukan antarabangsa bagi menaikkan nama negara.

Aktiviti-Aktiviti Kelab:–

1) Latihan dijalankan di Sekolah Rendah Batu, Jalan Raja Laut pada setiap Rabu dan Jumaat.


2) Menyertai Kelab Taekwan-Do Sekolah Batu dalam perlawanan persahabatan di seluruh negara.

3) Beberapa orang ahli telah menyertai Perlawanan Taekwan-Do MSSWP tetapi telah tewas dalam pusingan kedua.

Semua AJK kelab ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat dan jurulatih kelab atas sokongan dan dorongan mereka dalam kelab ini selama 8 tahun.

Chua Kok Sing
Setiausaha

LAPORAN KELAB KARATE



Ahli -ahli Jawatan Kuasa 91/92

Guru Penasihat:
En. Veelurajan

Jurulatih Kelab:
En. Subramaniam

Pengerusi:
Sivananthan a/l Harikrishnan

Naib Pengerusi:
Shekar a/l Marimuthu

Setiausaha:
Prakash a/l Krishna

Bendahari:
Paul Ashok

A.J.K. Perkhidmatan Kelab:
Paramanathkumar
Guna, Jeganraj, Suresh

Kelab Karate sekolah ini sentiasa mendapat pencapaian yang membanggakan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pada tahun ini juga, kelab ini berjaya mencungkil bakat-bakat baru.

Di dalam pertandingan 'Malaysia Karate Federation's Junior's Tournament' seorang daripada ahli kelab kami telah berjaya mendapat pingat perak.

Shekar a/l Marimuthu- Perak dalam acara 16 tahun.
Akan mewakili Malaysia ke pertandingan "Asian Union of Karate-Do Junior's Tournament '(AUKO).

DI dalam pertandingan pemilihan pasukan Karate Wilayah ke Sukma, seorang daripada ahli kelab kami telahpun dipilih.

Paul Ashok-dipilih bagi acara 80kg.
Akan mewakili Wilayah ke Sukma di dalam acara tersebut.

Saya sebagai pengerusi kelab ini ingin mengucapkan ribuan penghargaan kepada En. Veelurajan dan En. Subramaniam di atas segala tunjuk ajar, bimbingan serta galakan mereka. Kelab Karate ini berpegang teguh kepada prinsipnya iaitu 'Toleransi'. Ia mempunyai seramai 28 orang ahli yang berdedikasi dan aktif. Sebagai penutup kata 'Majulah Karate untuk negara'.

"ORA ET LABORA"

Sivananthan A/L Harikrishnan
Pengerusi

PASUKAN BADMINTON (BAWAH 18 TAHUN)



Guru Penasihat:

En. Mohd Noh

En. M. Krishna

En. Kok

Nama-Nama Ahli:

Su Chin Chai (Ketua)

D. Sunder

On Hai Chuan,

How Choon Kit

Pek Kin Soon.

1. Latihan pusat diadakan 3 kali seminggu.
2. Menyertai pertandingan badminton individu zon Sentul, di dewan Sekolah Tai Tong, Jalan Salak South.
3. Menyertai pertandingan badminton berpasukan zon Sentul, di Dewan Serbaguna Bandaraya, Kuala Lumpur.
4. Mengadakan pertandingan badminton tertutup M.B.S.S.


Di acara individu pasukan badminton telah menghantar wakilnya di bawah 18 tahun dan di bawah 15 tahun di acara ini. D. Sunder dan Amminudin berjaya ke peringkat akhir dan Su Chin Chai hanya berjaya ke pusingan tiga.

Di acara pasukan-pasukan badminton bawah 18 tahun kurang bernasib baik pada tahun ini kerana kecundang kepada S.M. Jinjang dengan mata 2-3. Ini menyebabkan pasukan kami tidak dapat mara dalam pertandingan antara sekolah-sekolah di daerah zon Sentul ini dan bawah 15 tahun pula telah tewas kepasa S.M. Titiwangsa dengan mata 1-4.

Saya sebagai ketua pasukan badminton M.B.S.S. ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Mohd. Noh dan En. M. Krishna di atas segala nasihat, tunjuk ajar dan kata-kata semangat kepada kami, sebagai penutup kata; Majulah badminton yang akan meningkatan prestasi pemain dengan persedian yang lebih rapi untuk mencapai kejayaan yang cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang.

Su Chin Chai
Ketua Pasukan.

KELAB RENANG



Guru Penasihat:
En. Su Too Fong

Pengerusi:
Lim Sui Ki (5 Sc 2)

Naib Pengerusi:
Ng Wee Ann (5 Pd 1)

Setiausaha:
Chin Yoon Sin (5 Sc 1)

Pen. Setiausaha:
Lim Kean Kok (5 Sc 2)

Bendahari:
Lee Chee Hung (5 Pd 1)

Pen. Bendahari:
Kee Keow Sin (5 Sc 2)

AJK:
Leong Kim Hoong (5 Pd 1)
Ng Wee Soon

Pada tahun ini, kelab renang telah mengadakan latihan renang selaras dengan objektif kelab ini supaya ahli-ahli berpeluang mengetahui teknik berenang yang betul.

Kelab ini telah merancang untuk membuat kad keahlian sebagai bukti penyertaan kelab. Seperti tahun lepas, yuran bagi setiap ahli ialah $2.00 (yuran tahunan). Latihan renang telah dimulakan sejak bulan Februari, iaitu pada setiap Rabu, pukul tiga petang di Kolam Renang Chin Woo. Bayaran sebanyak $1.00 dikenakan setiap kali latihan diadakan.

Akhir kata, bagi kelab ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat, En. Su Too Fong atas dorongan dan tunjuk ajar beliau.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Chin Yoon Sin
(4 Sc 1)
Setiausaha

LAPORAN KELAB CATUR



Guru penasihat:
Puan Helena Foo
En. Lim Tong Eng

Pengerusi:
Looi Hong Leong

Naib Pengerusi:
Hang Chen Sing

Setiausaha:
Leong Wai Fong

Naib Setiausaha:
Andrew Tan

Bendahari:
Mohd. Zuhaizal

Naib Bendahari:
Lam Wai Yew

Ahli-ahli Jawatankuasa:
Ang Ban Giap, Ho Wai Hoe
Mugilan, Tan Choo Keat
Lim Kien Sing

Pasukan Sek. Bawah 18 tahun:
Au Chun Hoe, Looi Hong Leong
Ng Zee Chew, Tay Chun Ang
Kamarul Zaman, Yusri

Dalam tahun ini, seperti tahun-tahun yang lepas, Kelab Catur sekolah juga turut menyertai pertandingan catur antara sekolah-sekolah di Zon Sentul. Dalam acara individu saudara Au Chun How telah melayakkan diri ke pertandingan peringkat MSSWP setelah mendapat tempat yang kedua di peringkat zon Sentul. Sementara itu, pasukan catur bawah 18 tahun sekolah kita pula berjaya mendapat tempat ketiga di pertandingan catur zon Sentul.


Selain itu, kelab ini juga pernah mengadakan pertandingan persahabatan dengan Sek. Men. (P). Pudu di sekolah mereka, menyertai pertandingan catur anjuran Sek. Men. St. John. Kuala Lumpur dan mengadakan pertandingan catur antara kelas-kelas sekolah kita. Tetapi antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini, yang paling jelas ialah sessi latihan permainan yang diadakan pada setiap Selasa dan Jumaat. Kini bilangan ahli-ahli kelab telah mencapai sehingga seramai 54 orang.

Sebagai penutup, saya, bagi pihak kelab, ingin berterima kasih kepada semua guru penasihat atau bekas guru penasihat kelab ini atas segala sumbangan mereka kepada Kelab Catur MBS Sentul. Akhir sekali moto kelab ini adalah untuk menjadikan permainan catur sebagai satu acara yang boleh mengharumi nama negara pada suatu hari nanti.

Sekitan Terima Kasih.

Leong Wai Fong
Setiausaha

KELAB TENIS



Guru Penasihat:
En. Saiful Munir

Presiden:
Sherrod Victor Francis

Naib Presiden:
Mohan Rem Aruna

Setiausaha:
Lim Boon Leong

Bendahari:
Phomphikrhom Siri Songkram

AJK:
Saravanan Kumar
Roshaslan Hashim

Pada awal tahun ini, mesyuarat agong telah diadakan dan ahli jawatankuasa telah dilantik. Latihan diadakan setiap pagi sabtu dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Pada bulan April, pasukan tenis sekolah telah dijemput ke kejohanan Tenis Jemputan Zon Sentul yang diadakan di Sek. Men. Maxwell dan keputusan kejohanan tersebut adalah seperti berikut:–

Individu

1) Sherrod Victor Francis	Naib Johan
2) Mazrul	Separuh Akhir
3) Phomphikrhom S. Songkram	Suku Akhir

Bergu

1) Phomphikrhom-Roshaslan	Separuh Akhir

Pasukan tenis sekolah telah pergi ke Intan, Bukit Kiara untuk kejohanan MSSWP tetapi tidak berjaya mendapat sebarang kejayaan. Pihak kelab tenis juga amat terhutang budi kepada guru penasihat dan pelatih kita iaitu En. Saiful kerana sudi untuk meluangkan masa untuk melatih ahli-ahli kelab.

"MAJULAH SUKAN TENIS UNTUK NEGARA"

Lim Boon Leong
Setiausaha

LAPORAN KELAB SQUASH M.B.S.



Guru Penasihat:
En. Yam Fook Poh

Pengerusi:
Yap Kok Seng

Naib Pengerusi:
Ang Zin Kwei

Setiausaha:
Kueh Choon Wai

Bendahari:
Ng Ping Loong

Ketua A.J.K.:
Lee Heng Fook
Lim Choon Keat
Ng Wee Soon
Chin Shuen Liang

Kelab squash ini terdiri daripada 50 orang ahli. Latihan squash telah dijalankan pada setiap hari Isnin selepas sekolah di gelanggang squash, Banggunan Fina Jalan Ipoh Batu 3.

Pada penggal kedua kami telah mengadakan pertandingan squash antara ahli-ahli di sekolah, seramai 16 orang ahli telah bertanding dalam pertandingan ini. Daripada pertandingan itu 7 orang ahli telah dipilih sebagai wakil sekolah untuk Pertandingan Squash Antara Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan.

Pemain-pemain yang mewakili Pasukan Squash Sekolah adalah seperti berikut:–

1) Yap Kok Seng
2) Ang Zin Kwei
3) Kueh Choon Wai
4) Ng Ping Loong
5) Lee Heng Fook
6) Ng Wee Soon
7) Chin Shuen Liang

Antara aktiviti-aktiviti lain yang telah dijalankan ialah:–

1) Pertandingan squash anjuran MILO.
2) Pertandingan squash antara sekolah-sekolah lain.
3) Latihan squash bergabung dengan sekolah lain.

Bagi pihak ahli-ahli kelab ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Penasihat Kelab, En. Yam ke atas segala dorongan, tunjuk ajar serta semoga dedikasi beliau yang dicurahkan.

"MAJULAH SUKAN UNTUK SEKOLAH"

Sekian, terima kasih.
Kueh Choon Wai
Setiausaha

PASUKAN BOLA TAMPAR



Guru Penasihat:
En. Mohd Shariel,
En. Choo Chee Seng
En. Zainuddin,
En. Abd. Wahid

Pemain-pemain Bawah 18 Tn:
(Mengikut abjad)
Ching Shuenn Liang
Ho Kam Fatt
Lee Heng Fook
Lim Yong Chuan
Lim Chung Shing
Mooi Ching Leong
Ng Wee Soon (Ketua)
Tan Chee Khoon
Victor Tan
Wong Sim Ming
Yong Kok Wai
Yu Tien Kee

Aktiviti-Aktiviti:–

Tahun ini merupakan tahun yang agak sederhana bagi pasukan bola tampar sekolah. Semasa beraksi dalam pertandingan bola tampar MSSWP Zon Sentul, pasukan kami ditewaskan oleh pasukan yang lebih kuat walaupun kami telah cuba sedaya upaya kami. Diharapkan keputusan yang dicapai tidak mengecewakan guru penasihat dan para penyokong kami. Kami telah mengadakan latihan sebanyak tiga kali seminggu dan pertandingan persahabatan dengan sekolah-sekolah lain sepanjang tahun ini.

Saya sebagai setiausaha pasukan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para guru penasihat di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberi. Seterusnya diharapkan pasukan bola tampar akan meningkatkan prestasi mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun yang akan datang.

Sekian terima kasih

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Setiausaha pasukan

PASUKAN TAKRAW



Guru Penasihat:

En. Wahid Abdullah

En. Saiful

En. Mohd. Gazi

Permain-Pemain bawah 18tahun

Eyzat Mustapha

Mo0hd. Faahel

Meor Nor Ramli

Shahril

Mafiz

Borhanudin

Reduan

Mohd. Zainam

Wan Ahmad Baktiar

Fazil

Shazurin

Rizal

Suhaimi

Elias

Keputusan Pertandingan Bawah 18 Tahun.

Peringkat Zon Sentul

MBS Sentul lawan S.M. Raja Abdullah (menang) 3-0
MSB Sentul lawan S.M. Titiwangsa (menang) 2-1

Separuh akhir
MBS Sentul lawan S.M. Raja Ali (menang) 2-1

Akhir
MBS Sentul lawan S.M. Maxwell (Menang) 2-1
(MBS Sentul muncul sebagi johan zon Sentul)

Peringkat Wilayah Persekutuan

MBS Sentul lawan S.M. Padang Tembak (Kalah) 1-2
MBS Sentul lawan S.M. Sri Pantai (Kalah) 1-2
MBS Sentul lawan S.M. Sains Selangor (Kalah) 1-2

Di peringkat antara regu MBS Sentul telah menghantar dua regu. Regu pertama telah berjaya menumpaskan Sek. Men. Tinggi Setapak kemudian dikecewakan oleh Sek. Men. Wangsa Maju. Walaupun pasukan kami tidak berjaya ke paringkat akhir zon-zon Wilayah tetapi pemain-pemain telah menunjukkan prestasi yang baik.

Kami pemain-pemain sepak takraw mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Gazi, En. Wahid En. Saiful, Guru Besar, Penolong Kanan dan rakan-rakan, di atas segala sokongan yang diberikan

"MAJULAH SEPAK TAKRAW UNTUK SEKOLAH"

(Ketua Pasukan.)
Eyzat Mustapha.

LAPORAN KELAB/PASUKAN PING PONG



Guru Penasihat:
En. Cheang King Ting

Pengerusi:
Loh Chee Hoong

Pen. Pengurusi:
Teh Yen How

Setiausaha:
Ng Boon Keat

Bendahari:
Yap Siong Lim

AJK:
Chan Chien Siang
Su Ching Chai
Muzhar

AKTIVITI-AKTIVITI

1. Latihan diadakan 3 kali seminggu.
2. Menyertai pertandingan ping pong berpasukan Zon Sentul.
3. Menyertai pertandingan ping pong individu Zon Sentul.

Pada 27hb. Januari 1992, satu pertandingan Zon Sentul telah diadakan di Sekolah La Salleh. Pasukan sekolah kita di bawah ketua pasukan Su Chin Chai dan pemain-pemain sekolah telah menyertai pertandingan ini. Malangnya, pasukan bawah 20 tahun tewas kepada Sekolah menengah Kepong Baru dengan keputusan (1-4). Ini menyebabkan pasukan kami tidak dapat mara dalam pertandingan tersebut. Sebaliknya pasukan bawah 15 tahun telah berjaya memasuki perlawanan separuh akhir. Sungguhpun pasukan kita tewas, semangat kesukanan serta semangat perjuangan yang ditujukkan oleh pasukan kita tidak pernah luntur.

Pasukan Bawah 20 Tahun	**Pasukan Bawah 20 Tahun (Bukan cina)**
1. Su Chin Chai	1. Muzhar
2. Yap Siong Lim	2. Wan Ahmad Baktiar
3. Teh Yen How	3. Mohd Nazir
4. Lee Yeow Keong	4. Mohd Fitri
5. Wong Wee Keong	5. Soloman

Sebelum Saya menyudahi laporan ini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami En. Cheang atas segala nasihat, tunjuk ajar dan sokongannya. Saya juga berharap agar apda masa yang akan datang pasukan ping pong sekolah kita akan mencatatkan kejayaan yang lebih cemerlang.

Loh Chee Hong
(Pengerusi)

LAPORAN SKUAD BOLASEPAK 1992 (BAWAH 18 TAHUN)



Senarai nama pemain:

Gunalan (Kapten)
Zulkiflee (P. Kapten)
NG Boon Keat (P. Kapten)
Shahril
Mohd Tarmizi
Hari
Mohd Zulkiflee
Kunaselan
Rudi Salleh
M. N. Syamsul Kamal
M. Nor Ramli
Selvarajah
Sharon Hisyam
Lawrence
Mohd Jufri
Soffian
Muthamilselvam
Suhaimi Azmir
Adam

Berikut adalah keputusan perlawanan peringkatan Zon Sentul

M.B.S	Menang	S.M. Bandar Baru Sentul	(8-0)
M.B.S.	Seri	S.M. Kepong Baru	(1-1)
M.B.S.	Menang	S.M. Maxwell	(1-0)
M.B.S.	Seri	S.M. Seri Titiwangsa	(1-1)
M.B.S.	Kalah	S.M. Kepong Baru (akhir)	(2-4) Penalti

Skuad M.B.S. telah muncul sebagai naib johan Zon Sentul. Dalam pertandingan Peringkat MSSWP pula, Skuad M.B.S. berjaya ke peringkat akhir.

Berikut adalah keputusan perlawanan peringkat zon MSSWP

M.B.S.	Kalah	S.M. Victoria	(1-3)
M.B.S.	Menang	S.M. Sains Selangor	(1-0)
M.B.S.	Menang	S.M. Vokasional Setapak	(1-0)
M.B.S.	Menang	S.M. Cochrane (separuh akhir)	(0-1)
M.B.S.	Kalah	S.M. Victoria (akhir)	(0-1)

Kami dari Skuad bolasepak M.B.S. ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Ahmad Kamal dan En. Mohd Arif sebagai guru penasihat kerana telah melapangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan kata-kata semangat kepada kami. Terima kasih juga kami ucapkan kepada Pengetua A. Atphutharaja, Puan Norsiah, En. Veelurajan, En. Shariel dan En. Saiful serta pelajar-pelajar M.B.S. Sentul yang telah memberi sokongan padu kepada kami.

" MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Zulkiflee Ibrahim
(P. Kapten)

LAPORAN PASUKAN HOKI



Hoki Bawah 18thn./15thn.

Pasukan di bawah 18 tahun:

Gunapregash (Ketua Pasukan)

Partiban (Pen. Ketua Pasukan)

Roger

Sujit

Hassan

Darhana

Anand

Elengeswaran

Azlan

Murthy

Jayakumar

Prakash

Mohd. Shakier

Venu

Roslan

1. Pasukan Hoki M.B.S. Sentul terdiri daripada pasukan bawah 15 tahun dan pasukan bawah 18 tahun. Kami mengadakan latihan progresif tiga ke lima kali seminggu dari pukul 4.00 - 6.00 petang. Latihan ini bermula dari awal tahun sehingga ke permulaan Perlawanan Hoki MSSWP.

2. Dalam Perlawanan MSSWP Sentul, pasukan bawah 15 tahun telah bermain bersungguh-sungguh dengan penuh bersemangat malangnya mereka telah ditewaskan. Pasukan bawah 18 tahun telah melayakkan diri mereka ke peringkat akhir MSSWP Sentul kerana ketekunan mereka berlatih dan disiplin yang baik dikalangan pemain-pemain. Pasukan bawah 18 tahun berjaya tahun ini untuk menjadi naib johan MSSWP Sentul. Walaubagaimanapun kami telah berusaha bersungguh-sungguh di peringkat Wilayah Persekutuan tetapi kita tidak berjaya.

3. Keputusan perlawanan pasukan bawah 18 tahun adalah seperti berikut:–

M.B.S.S. menang Sek. Men. Titiwangsa (4-0)
M.B.S.S seri Sek. Men. Raja ali (1-1)

(a) Separuh Akhir.
M.B.S.S. menang Sek. Men. Raja Abdullah (3-0)

(b) Akhir.
